CETAKAN KEDUA

Dr. Mahmoud MrGlani

PENGKAJI PAKAR DALAM BIDANG MUAMALAT, PENDIDIKAN DAN TASAWWUF ISLAM

EDISI BARU

SERUAN MAKARIMUL AKHLAK

PRAKTIS TASAWWUF ISLAM

" Maha Suci Tuhan yang menutup rahsia khususiah pada zahir manusia, dan menzahirkan keagungan sifat ketuhannanNya (apabila hamba) " menzahirkan rasa kehambaan.

SERUAN MAKARIMUL AKHLAK

PRAKTIS TASAWWUF ISLAM

ISO Akhlak Sejagat
&
Lesen Makarimul Akhlak Antarabangsa

Dr. Mahmoud MrGlani

PENGKAJI PAKAR DALAM BIDANG MUAMALAT, PENDIDIKAN DAN TASAWWUF ISLAM

Diterjemah Oleh
Sofuh ShaZlee





Algeria (Setif) | Mesir (Al-Manzalah) | Malaysia | Indonesia | Tunisia | Singapura



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Hakcipta karya asal © Dr Mahmoud MrGlani
Cetakan Pertama April 2015

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Bahan-bahan untuk buku ini telah dihimpun oleh muridin dan muridat Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili, selanjutnya digarap dan ditulis oleh Ustaz Rahmat Muhamad As-Syazili
013-6437075
rahmatshazlee@gmail.com

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad As-Syazili

Editor
Noormizan Ahmad

Reka Bentuk kulit & Kandungan
Abdul Jalil Shukor


Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Rahmat Muhamad

Daftar Isi





Prakata

الحمد لله الحكيم العليم الرؤوف الرحيم الذي أودع قلوب أوليائه طرائف الحكم وكمال الأدب مع مجاهدة العمل ورفع عنها كثائف أستار الظلم وأنارها بنور معارف قدسه وفاتحها بفتح خطابه وأنسه. لذلك كانت علومهم من فيض المواهب لا من تعنت البحث وتعب المكاسب. فسبحان من وهب في لمحة من شاء ما شاء كيف شاء. لأنه سبحانه وتعالى إذا شاء أنشا.

﴿إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ﴾ .

﴿ لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴾ .

Segala puji-pujian tertentu bagi Allah; Tuhan yang Maha Pendeta lagi Maha 'Alim, Maha Belas lagi Maha Mengasihani. Dialah Tuhan yang menghimpun pada hati para waliNya berbagai keistimewaan hikmat dan kesempurnaan adab beserta mujahadah dalam amal serta menyingkap dari hati mereka segala hijab kegelapan lalu menyinarinya dengan cahaya makrifat suci Ilahi serta meneranginya dengan bicara dan kemesraan dari hadratNya. Dikeranakan kemulian inilah maka ilmu para awliya itu sumbernya dari limpahan anugerah Ilahi, bukan dari kajian yang berjela-jela atau dari penat lelah mengaji. Maha Suci Tuhan yang telah mengurnia anugerahNya dalam sekelip mata kepada siapa saja yang dikehendakiNya, apa saja yang dikehendakiNya, dengan sesuka hatiNya. Kerana Allah Taala itu jika sudah berkehendak maka Dia akan melaksanakan kehendakNya.

"Sesungguhnya perintah Allah itu apabila Dia mengkehendaki sesuatu maka Dia berkata: "Jadi, maka terjadilah ia". "Dia tidak ditanya tentang perbuatanNya sedangkan merekalah (para hambaNya) yang akan ditanya tentang perbuatan mereka".

أستغفر الله العظيم إن الله غفور رحيم وحسبي الله ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم. اللهم إنا نبرأ من حولنا ومن قوتنا إلى حولك وقوتك. أحمده على ما وهب من إفضاله وأشكره على جزيل نواله وأشهد أن لا إله إلا الله جواد غمر بجوده جميع الكائنات وعمَر بسره السرائر فكانت به أوسع من الأرضين والسموات.

Aku beristighfar kepada Allah yang Maha Agung, sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Cukuplah Allah bagiku, Dialah sebaik-baik pelindung, tiada daya dan upaya melainkan dengan kehendak Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Allahumma, sungguh benar kami berlepas diri dari daya upaya kami, berserah kepada daya dan upayaMu. Aku memuji-mujiNya atas pemberianNya, aku mensyukuriNya atas limpahan kurnia dariNya, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah yang amat Pemurah; kemurahan hatiNya meliputi seluruh makhlukNya. Dialah Tuhan yang telah memakmurkan hati para hambaNya dengan sirr dariNya, maka jadilah hati-hati itu lebih luas padaNya dari seluruh bumi dan langitNya.

وأشهد أن سيدنا ومولانا محمداً عبده ورسوله بحر المعارف الربانية ومنبع العلوم اللدنية – صلى الله عليه وآله صلاة أزلية ذاتية دائمة أبدية ورضي الله عن جميع أصحابه سيوف الحق وعيون الحقائق وعقود الطرق ونجوم الطرائق وعن التابعين لهم في التخلق والموافقين للأخلاق ما أكتسب مكتسب ووهب ذلك الخلاق.

Dan aku bersaksi bahawa Saiyidina Muhammad itu hamba dan pesuruhNya; baginda merupakan lautan makrifat rabbani, sumber mata air yang memancar ilmu-ilmu ladunni, Allah menselawatkan baginda dengan selawat nan azali dari hadratNya, selawat yang kekal abadi selama-lamanya. Dan semoga Allah meredhai ahli keluarga dan para sahabatnya; merekalah pedang-pedang kebenaran, hiasan dan gugusan bintang petunjuk di perjalanan, beserta para tabi'in yang

mencontohi akhlak dan budi pekerti, dengan keredhaan yang berterusan sepanjang masa.

اللهم يا من جعلت الصلاة على الحبيب المحبوب سيدنا مولانا محمد صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم من أفضل القربات فإننا نتقرب إليك بجميع الصلوات التي صليت عليه من أول نشأة إلى ما لا نهاية للكمالات. اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا ومولانا محمد على آل سيدنا ومولانا محمد صلاة تفتح لنا بها أبواب الرضا والتيسير وتغلق بها عنا أبواب الشر والتعسيروتكون لنا بها وليا ونصيرا أنت ولينا ومولانا فنعم المولى ونعم النصير. اللهم إنا نتقرب إليك بالصلاة على سيدنا ومولانا محمد عبدك ونبيك ورسولك امتثالا لأمرك وتصديقا له ومحبة فيه وشوقا إليه وتعظيما لقدره ولكونه صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم أهلا لذلك فتقبلها منا بفضلك واجعلنا من عباك الصالحين... آمين يا رب العالمين.

Allahumma wahai Tuhan yang menjadikan selawat keatas Saiyidina Saiyidina Muhammad ﷺ yang tercinta sebagai ibadat terbaik, maka kami bertaqarrub kepadaMu dengan segala selawat yang Engkau telah kurniakan kepada baginda sejak ciptaan pertama serta berterusan sehingga kesempurnaan yang tiada penghujungnya. Allahumma kurniakanlah selawat salam dan keberkatan keatas Saiyidina Muhammad: selawat yang yang membuka kepada kami segala pintu keredhaaan dan kemudahan, serta menutup segala pintu kejahatan dan kepayahan, selawat yang

dengannya Engkau membela dan menolong kami, Engkau Tuhan dan Pembela kami, Engkaulah sebaik-baik Tuhan dan Pembela bagi kami. Allahumma kami bertaqarrub kepadaMu dengan berselawat keatas Saiyidina Muhammad ﷺ; bagindalah Nabi dan RasulMu, berselawatnya kami ini demi mentaati perintahMu, demi beriman kepadanya, demi mencintainya, demi merinduinya, demi mentakzim kedudukannya, dan demi kerana baginda nabi kami ﷺ sememangnya layak menerima segala penghormatan itu, maka terimalah dari kami wahai Tuhan akan taqarrub ini dengan kemurahan hatiMu dan jadikan kami dari kalangan hambaMu yang soleh, amin ya robbal 'alamin. Amma ba'duh…

Kesempatan yang berbahagia ini telah membuka ruang untuk menerbitkan sebuah buku kecil yang penuh makna. Buku ini meliputi enam fasal yang mengutarakan seruan untuk berfikir, merenung, mempraktis dan menggilap jiwa dalam peningkatan makarimul akhlak. Kumpulan artikel ini telah saya tulis dalam berbagai kesempatan dan di lokasi yang berbeza-beza sepanjang tahun-tahun yang melewati umur selepas menjangkau dekad keempat. Setiap artikel di dalam buku ini ada memorinya yang tersendiri.

Pada kesempatan ini jua saya dengan rasa tulus mengutarakan dua seruan yang penuh keberkatan. Saya berharap agar sudilah sidang pembaca sekalian memberi dokongan dalam menegakkan prinsip-prinsipnya serta menyebarluaskan ilmu ini demi melihat pelaksanaannya dalam realiti kehidupan. Ini semua demi kemaslahatan umat dan agama kita. Saya mengaturkan jutaan syukur, sepenuh penghargaan dan penghormatan kepada sidang pembaca yang budiman atas dokongan tersebut demi saudara saudari semua memulakannya dari titik dimana saya berakhir.



SERUAN PERTAMA

Kearah Praktis **ISO Akhlak Antarabangsa** (makrimul akhlak) dari sumber warisan budaya sufi Islam sedunia yang wujud dalam hati sanubari, akal fikiran, jiwa raga, zahir batin, perjalanan hidup, pengalaman, khalwat dan kembara para junjungan ahli sufi. Inilah seruan untuk menuju Allah... seruan untuk mencapai kesempurnaan dan kemuliaan insani... dakwah **Tasawwuf Islam** sebenar, hakiki lagi jelas; Tasawwuf yang murni dari kekusutan hulul dan ittihad tidak kira apa jua bentuknya. Sudah tegas apa yang diucapkan oleh junjungan para ulama sufi:

علمنا أخذناه من حي عن حي (ويقصدون برجال السند شيخ عن شيخ حتى سيدنا رسول الله صلى الله عليه وسلم) أما غيرنا فقد أخذوه من ميت عن ميت (ويقصدون بالكتب).

"Bahawa ilmu kami ini kami ambil dari "yang hidup" kepada "yang hidup" (ertinya dari para ahli sanad: dari syeikh kepada syeikhnya sambung menyambung hingga sampai kepada Rasulullah ﷺ), manakala ilmu orang lain maka mereka mengambilnya dari "yang mati" kepada "yang mati" (maksudnya dari kitab ke kitab)".



SERUAN KEDUA

Mengasaskan satu bentuk **Lesen Makarimul Akhlaq Antabangsa** melalui peluncuran satu idea baru yang dapat mendokong kearah pelaksanaannya. Mungkin dapat dicadangkan namanya sebagai:- *International Perfect Ethic License* – IPEL seperti yang dibuat sekarang melalui *International Computer Driving Licences* - ICDL (Lesen Pengendalian Komputer Antarabangsa).

Inilah seruan kami kearah mengasaskan sebuah piagam kesempurnaan akhlak mulia sepertimana yang telah dizahirkan dengan jelas oleh junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ melalui sabdanya:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

"Demi sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

Apa yang bakal terkandung dalam **Lesen Makarimul Akhlak Antarabangsa** ini adalah yang seni-seni, maknawi, makrifat, kata-kata yang indah dihayati, yang menemani seorang pengembara sejak mula perjalanannya hinggalah dia sampai kepada hidayah dengan izin Allah.

Apa yang bakal terkandung dalam piagam lesen ini sama ada dari segi lafaz zahir mahupun maknawinya mestilah bebas dari unsur yang dibuat-buat (berlakun-lakun), ini kerana purnama **Tasawwuf Islam** tidak pernah gerhana: sentiasa bersinar mengambang, mentari makrifatnya tak pernah terbenam ke barat, aman sejahtera sentiasa. Itulah kurniaan Tuhan yang Maha Memberi sepertimana yang difirmankan dalam kitab suci Al-Quran:

وَسْـَٔلُوا۟ ٱللَّهَ مِن فَضْلِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا

"Dan mintalah pada Allah akan kurnia-Nya, sesungguhnya Dia Maha Mengetahui setiap sesuatu." - **An-Nisa': 32**

Itulah jua berkat junjungan teragung Nabi yang mulia -selawat dan salam buat baginda, ahli keluarga dan para sahabatnya - yang telah bersabda:

أدبني ربي فأحسن تأديبي

"Tuhanlah yang telah mendidikku dengan adab dan Dia telah mendidikku dengan sebaik-baik didikan."

Duhai betapalah khamar itu kalau diminum memabukkan akal, maka semoga dengan izin Allah yang Maha Agung - **Lesen Makarimul Akhlak Antarabangsa** ini bakal menjadi magnet rohani yang menarik hati-hati insani.

Dr. Mahmoud Marglani





1

FASAL SATU

Apakah puncak kemuliaan akhlak manusia atau kesempurnaan dan kebahagiaan insani itu telah ditutup jalannya atau kita sendiri sebenarnya yang telah menutupnya? Kalaupun itu realitinya apakah tidak mungkin untuk mencari ruang-ruang yang boleh ditembusi untuk naik ke jalan ini lalu kita menempuhnya demi untuk sampai kepada fitrah dan kebahagiaan insan sepertimana yang telah difirmankan Allah Taala dalam Al-Quran:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamulah sebaik-baik umat yang dikeluarkan dari kalangan manusia." - **Aali Imran: 110**

dan telah disabdakan oleh junjungan kita baginda Rasulullah ﷺ melalui:

ما من مولود يولد إلا على الفطرة

"Tidaklah seorang manusia itu lahir melainkan dalam keadaan fitrah."

Beberapa tahun kebelakangan telah menyaksikan penerbitan buku-buku motivasi masa kini yang berjaya. Ada yang telah diterjemah dan mendapat sambutan begitu hangat oleh pelbagai lapisan masyarakat. Semua orang mencari jati diri, jalan keluar dari permasalahan hidup, pendidikan anak-anak.. melalui buku-buku yang dihasilkan oleh para pemikir dan cendikiawan teori dari barat dan timur. Para pengarang itu terus mengkaji serta mencari tentang hakikat kebahagiaan manusia dan melukis pelan panjang lebar bagaimana seseorang itu dapat mencapai kesempurnaan insani melalui kajian dan eksperimen masing-masing supaya dapat ditakrifkan apakah kebahagiaan itu, apa faktor-faktornya dan apa kepentingannya dalam kehidupan. Demikianlah setiap orang menulis berdasarkan kecenderungan, kehendak nafsu, tujuan-tujuan tertentu serta latar belakang budaya, pemikiran, bahasa dan jiwa masing-masing.

Satu perkara yang mendorong saya untuk menulis dalam bidang ini yang amat penting lagi meliputi soal-soal *zauq* (rasa), didikan, ilmu, amal, seni dan tarbiyah adalah kerana fenomena semasa yang belum pernah berlaku sebelumnya dimana seluruh bangsa-bangsa dunia sekarang mencari-cari *role model*, murabbi dan mursyid (pembimbing); tokoh ikutan yang dapat mendidik dalam pelbagai bidang sama ada di sudut agama, ilmu pengetahuan, kebudayaan, kejuruteraan, moral, psikologi, sosial dan lain-lain melalui program kualiti ISO antarabangsa serta kerjasama antar sektor swasta dan kerajaan, penyatuan syarikat-syarikat perniagaan, peningkatan mutu kerja, etika moral dan jiwa…

semua itu dilaksanakan dengan mengambil kira segala yang terkini, persaingan, *mode* dan model semasa.

Jelas bahawa amat penting mengetengahkan **Tasawwuf Islam** kedalam pasaran besar dan persaingan sengit dalam sektor yang aneh lagi pelik ini. Inilah pasaran yang rata mempengaruhi semua bangsa tidak kira apa bentuk dan saiznya kerana Allah ﷻ telah berfirman:



"... dan Kami telah menciptakan kamu (wahai manusia) bersuku-suku dan berbangsa-bangsa untuk saling kenal-mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah dari kalanganmu adalah mereka yang paling bertaqwa..." **- Al-Hujurat: 13**

Ini amat penting kerana **Tasawwuf Islam** yang soheh lagi jelas merupakan jalan lurus dan selamat untuk menjayakan kempen diperingkat kebangsaan maupun antarabangsa demi mencapai mutu terbaik dan *international ISO* dalam bidang perkhidmatan dan produktiviti.

Melalui buku kecil ini saya berharap kita dapat mempromosikan pemikiran sufi islami ini agar beroleh dokongan dalam mengasaskan **ISO Akhlak Antarabangsa** dengan penyertaan semua komuniti umat Islam dan bukan Islam terutamanya para masyaikh tareqat-tareqat sufi Islam yang memiliki khazanah aset intelektual bangsa yang begitu berharga demi tercapainya kualiti terbaik ini. Malangnya hingga ke saat ini aset yang begitu berharga milik bangsa ini masih belum dimanfaatkan, terbiar dan tidak dikendalikan dengan betul kerana tidak dinilai dengan betul (kerana nilainya yang hakiki tidak dikenal orang).

Sepatutnya kita mesti berusaha dengan sungguh-sunguh, ikhlas dan amanah dalam mencari semua hasil kajian dan pengalaman yang amat berharga milik para anbiya', ulama rabbani, para awliya' Allah, orang-orang Tuhan sepanjang

sejarah demi mengambil manfaat dari khazanah maklumat yang sampai kepada kita serta segera melaksanakannya sesuai dengan firman Allah Azza Wajalla:

وَقُلِ ٱعۡمَلُواْ ...

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Hendaklah kamu berbuat..." **- At-Taubah: 105**

Kalau tulus amalan kita ini kerana Allah nescaya Dia akan memberkati dan meredhai kita, begitu juga berkat dari Rasul dan orang mukmin semuanya sepertimana yang difirmankan dalam sambungan ayat tadi:

فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمۡ وَرَسُولُهُۥ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۖ ...

"... nescaya Allah, Rasul dan orang-orang beriman akan menilai amalan kamu itu." **- At-Taubah: 105**

Dalam artikel ini ingin saya kemukakan satu contoh ISO akhlak yang telah dinukilkan oleh Sidi Abu Madyan Al-Ghauth ﷺ: beliau merupakan salah seorang pengasas 'kualiti terbaik **Tasawwuf Islam**'; melalui perjalanan hidup dan teladan mulianya yang kemudian digubah oleh beliau dalam bentuk syair madah, antaranya:

وبالتفتى على الإخـــوان جـــد أبدا

حسا ومعنى وغض الطرف إن عثرا

Berkorbanlah untuk ikhwanmu,
jangan kau jemu,
dengan jiwa dan apa jua milikmu,
Jika mereka tersilap maka tundukkanlah matamu...

Mampukah kita memaafkan mereka yang telah menyakiti kita? Bolehkah kita untuk tidak mengingat kejahatannya, sebaliknya memberi keuzuran padanya? Contohnya kalau kita memerhatikan takdir Allah yang berlaku ke atas manusia nescaya kita dapat memaafkan mereka, namun rasa tidak puas hati datang apabila kita tidak menyedari bahawa apa yang berlaku itu hakikatnya adalah ketentuan Allah semata-mata.

Mampukah kita -setelah menyedari hakikat itu- untuk merasa kasihan kepada mereka kerana bimbangkan balasan Allah akibat dari kedegilan mereka? Mampukah kita untuk terus berinteraksi dengan mereka demi untuk membuang sikap buruk itu dan membersihkan hati mereka dari penyakit lalai, malas, tidak peduli, keras hati dan langsung tidak memikirkan soal tanggungjawab dan tanahair? Mampukah kita untuk memujuk orang yang mengadu disakiti dan mendorongnya untuk berlemah lembut, memaafkan dan membuat perkara-perkara yang mendatangkan manfaat untuknya?

Mampukah kita untuk tidak menyukai orang-orang yang degil dan berkeras memenangkan diri sendiri? Mampukah kita untuk menghindar diri dari sikap keras hati, kasar? Mampukah kita untuk tidak menyintai golongan seperti ini kerana orang yang lemah lembut itu akan dilayan dengan lemah lembut oleh Allah seperti yang disabdakan oleh baginda Nabi ﷺ:


الراحمون يرحمهم الرحمن تبارك وتعالى ارحموا من في الأرض يرحمكم من في السماء

"Mereka yang berkasih sayang akan disayangi oleh Tuhan yang Maha Rahman, kasihanilah makhluk di bumi nescaya yang langit akan mengasihimu."

Mampukah kita menyayangi golongan tua dan anak-anak serta semua dhuafa' dan mereka yang teraniaya? Mampukah kita meraikan golongan miskin seraya berkata:

"Kita mendapat rahmat kerana mereka yang dhaif, barangsiapa memaafkan orang lain nanti Allah akan memaafkannya."

Mampukah kita untuk tidak melayan kerenah dari kejahilan manusia, sabar dengan mereka yang buat tidak peduli dan memaafkan mereka yang menyakiti? Lebih dari itu apakah mampu kita untuk memaafkan kesalahan orang serta merasa belas kasihan pula sesudah memaafkannya? Mampukah untuk tetap baik hati terhadapnya dengan lisan dan sikap kita dan terus berinteraksi dengan baik dan yang terbaik, terus mengharapkan kebaikan untuknya sebagai tanda kasih sayang hingga dia akhirnya malu dan segan teramat sangat serta takjub; bagaimana kita boleh memaafkan saja kesalahan itu kemudian berbuat baik pula kepadanya, bagaimana kita menyaingi kejahatannya dengan kebaikan untuk akhirnya dia mendapat kebaikan demi mengamalkan firman Allah:



"*Sesungguhnya kebaikan-kebaikan itu menghapuskan segala kejahatan.***" - Hud: 114**

Teruskan bersama meniti jalan menuju kesempurnaan manusia dan fitrah murni insan serta semangat patriotik yang diperlukan kearah **ISO Akhlak Antarabangsa** demi mencapai maqam ubudiyyah (kehambaan) yang total kepada Allah: ianya dapat direalisasikan melalui peningkatan kemuliaan akhlak dari satu tahap ketahap yang lebih tinggi. Semuanya itu melalui piawaian antarabangsa yang terbaik, yang meliputi seluruh komuniti masyarakat dunia sejak zaman berzaman. Dan hanya satu syaratnya: menyembah Allah Tuhan yang Esa, tidak menyekutukan dia dengan suatu

apa pun, banyak berzikir mengingati Allah disetiap masa dan tempat. Antara zikir yang teragung itu ialah banyak mengucap selawat dan salam keatas kekasih Allah dan pesuruhNya junjungan Nabi kita Muhammad ﷺ, yang mana dengan zikir sebeginilah kita akan benar-benar mereal-isasikan dalam diri kita sabda baginda Nabi Muhammad ﷺ:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

"Demi sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak". SMA



2

FASAL DUA

Marilah mengusahakan bersama supaya umat kita dapat masuk kembali ke jalan yang telah tertutup atau nampak macam tertutup ini. Boleh jadi realiti sebenarnya ialah jalan ini terbuka bagi orang yang berusaha mendekatinya dan berjuang ke arah istiqamah, kesempurnaan dan fitrah. Mampukah kita untuk berjiwa besar, berhemah tinggi dan tidak membuang-buang masa dengan perkara yang tidak berfaedah, letih yang sia-sia, membuat hati gundah tidak tentu hujung pangkal, kecewa dan buruk sangka?

Sepatutnya kita memberi tumpuan untuk mengembangkan lagi kemampuan diri, membangun umat, berkhidmat kepada masyarakat, hijrah dari keperibadian sempit dan perkara kecil kepada fikiran luas dan keterbukaan fikiran serta meninggalkan kebiasaan yang berlarut-larut

lalu berpegang kepada akal yang waras serta dapat diterima, serta menjauhkan diri dari bid'ah dan berpegang teguh dengan sunnah.

Sepatutnya kita memberi tumpuan untuk lebih fleksibel dalam merancang, mengorganisasi, mengikuti perkembangan, menggunakan segala kemudahan dan kemahiran untuk melaksanakan suatu kerja bagi mendapatkan hasil jangka pendek mahupun jangka panjang dengan berpandangan jauh, fikiran luas, mengenepikan khabar angin yang tidak berasas seterusnya mengambil berat soal mendidik dan membaiki diri, melatih diri berjiwa besar sepertimana yang disabdakan dengan jelas oleh Nabi junjungan Saiyidina Muhammad ﷺ:

علو الهمة من الإيمان

"Berjiwa besar itu sebahagian dari iman."

Inilah jua yang pernah diungkapkan oleh golongan solihin:

لـه هـمم لا منـتهى لكبارهـم

وهمته الصغرى أجل من الدهر

"Hemah tingginya tak berpenghujung
tujuannya yang kecil lebih mulia dari umur dunia."

Bagaimana mungkin terbatas hemah bagi orang yang harapan, tujuan dan wasilahnya adalah Tuhannya semata-mata. Dia meninggalkan segala syahwat dan keinginan, dalam jiwanya terbukti kata-kata:

إلهي أنت مقصودي ورضاك مطلوبي

"Tuhanku, Engkaulah cita-citaku dan redha-Mu adalah tujuanku."

Dia menyandar diri kepada firman Tuhannya:

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلْمُنتَهَىٰ

"Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahan."
- An-Najm: 42

Di sinilah tempatnya di mana tiada apa pun yang dapat menandingi keagungan cita-citanya kerana ia terhubung dengan Allah Azza Wajalla. Hubungan inilah yang menjadikan semua semangat jiwa, segala maknawiyah dari awal ke hujungnya terhimpun menjadikan dirinya jauh dari hal-hal yang sia-sia lagi tidak bermakna. Jika kita mendapatkan itu - dengan kurnia Allah Taala - maka kita telah bebas dari pergantungan kepada makhluk, sama ada mereka suka atau orang memboikot kita, mereka memulia atau menghina kita... itu semua sudah tiada bezanya pada kita.

Antara contoh lain yang ingin diketengahkan dalam ISO Akhlak kali ini ialah nukilan Sidi Abu Madyan Al Ghauth ﷺ . yang merupakan salah seorang tokoh pengasas 'kualiti terbaik **Tasawwuf Islam**' melalui perjalanan hidup dan teladan mulianya yang kemudian digubah oleh beliau dalam bentuk syair dan madah dengan katanya:

وحط رأسك واستغفر بلا سبب

وقف على قدم الإنصاف معتذرا

"Dan tundukkan kepalamu
lalu istighfarlah walau tak bersalah
Berdirilah dengan insaf
sungguh-sungguh meminta maaf."

Maksudnya hendaklah kamu tawadhuk menghina diri, tundukkan anggotamu yang paling mulia iaitu kepala, sujud ke bumi hingga engkau mencapai maqam muqarrabin yang dekat dengan Allah seperti yang diriwayatkan didalam hadis junjungan Nabi kita Muhammad ﷺ:

أقرب ما يكون العبد إلى الله وهو ساجد

"Keadaan seorang hamba yang paling dekat dengan Allah Taala ialah waktu sujudnya."

Seorang hamba itu dekat dengan Allah apabila dia tawadhuk menghina diri, mengeluarkan dirinya dari kebiasaan sifat manusianya. Dan hendaklah engkau sentiasa melihat dirimu berdosa walaupun tidak zahir dosamu itu kerana seorang hamba tidak lekang dari kelemahan. Insafilah dosa-dosamu, malulah dengan kesalahan dan keaibanmu. Siapa bermuamalah dengan makhluk sebegini rupa, nescaya dia akan disayangi, dia tidak akan dilihat berdosa bahkan kesilapannya pun dipandang baik. Ini baru dengan makhluk, betapalah kalau begini muamalahnya dengan 'Teman Sejati' (Allah ﷻ) yang kalau disedari sebenarnya tiada Teman melainkan Dia sepertimana yang diriwayatkan dalam hadis junjungan Nabi kita Muhammad ﷺ:

اللهم أنت الصاحب في السفر والخليفة في الأهل والمال والولد

"Allahumma, Engkaulah Teman Sejati dalam perjalanan

dan Penjaga keluarga, harta dan anak-anak yang ku tinggalkan."

Bangkitlah saudara, wahai warga pencinta tanah airnya! Milikilah adab pergaulan seperti ini supaya ia menjadi mikraj yang menghubungkanmu dengan Rabbul Alamin, supaya engkau diredhai oleh Khaliq dan makhluk-Nya, muamalahmu akan murni, cahaya hakikat akan menyinari dirimu, makarimul akhlak akan menjadi pakaianmu dan keyakinan yang jitu akan tertanam di hatimu.

Perkara pasti yang mesti diketahui tapi dilupakan orang ialah:

1. Setiap kita telah diciptakan Tuhan mengikut watak dan bakat masing-masing.
2. Kedudukanmu ialah di mana kamu diletakkan oleh Tuhanmu dan yakinlah bahawa Allah tahu di mana engkau dan manusia pun tahu di mana engkau.
3. Apa yang sudah ditakdirkan Tuhan menjadi bahagian dan rezekimu pasti akan sampai kepadamu tanpa penat lelahmu dan inilah keyakinan yang benar, tidak syak lagi.

Kerana itulah berjiwa besar dan semangat waja dalam menempuh jalan istiqamah dan kesempurnaan serta menghindar pergantungan dengan segala makhluk merupakan antara faktor terpenting dalam proses menuju kesempurnaan kualiti akhlak sepertimana yang disabdakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ:

ازهد فيما عند الناس يحبك الناس

"Zuhudlah dengan apa yang ada pada manusia, nanti mereka akan mencintaimu."

Apabila manusia telah mencintaimu mereka akan memberi sebelum kamu meminta, mereka akan mendokong

cita-cita dan perjuanganmu untuk menempuh jalan kesempurnaan akhlak insani, mereka akan mendorongmu untuk berkasih sayang, bertolak ansur dan bersatu padu demi negara. Mereka akan membuatkan engkau merasa manisnya mendahulukan kepentingan kawan yang amat diperlukan sepanjang zaman, khususnya di zaman kita ini.

Artikel ini ingin saya sudahi dengan untaian kata-kata hikmah yang hadir dalam kehidupan tapi tak dapat dirasai keberadaannya. Walaupun kalimatnya mudah dan jelas namun kita amat perlu untuk mengungkai rahsia-rahsianya:-

اعط العالم أفضل ما لديك وستحصل منه مقابل ذلك على الأفضل

"Berikan sang alim apa yang terbaik darimu, nanti engkau akan menerima darinya apa yang lebih baik dari pemberianmu itu."

آلية واحدة ممتازة للتنفيذ أفضل من مائة خطة ممتازة

"Satu alat yang bagus untuk pelaksanaan suatu kerja lebih baik dari seratus pelan kerja yang bagus."

المصاب والمصيبة حقا من محقته وأفلسته الذنوب والشهوات

"Sebenarnya orang yang celaka dan kecelakaannya itu adalah hasil kebinasaan serta kebengkrapan dari dosa dan syahwatnya."

Kita akan terus bersama menempuh perjalanan menuju kesempurnaan dan fitrah murni manusia serta semangat patriotik yang amat diperlukan demi terlaksananya **ISO Akhlak Antarabangsa** yang diperkaya oleh khazanah sufi Islam yang terpelihara dengan baik oleh para pewaris tarekat

syeikh-syeikh sufi. Warisan berharga ini saya gambarkan umpama telaga-telaga gas dan petrol, atau lombong-lombong emas dan batu permata yang dapat dimanfaatkan: contohnya untuk mensifarkan pengangguran dan membuka peluang pekerjaan kepada para pewaris guru sufi dan para pengikutnya dan juga kepada semua warganegara yang lain. SMA



3

FASAL TIGA

الحمد لله الذي خص أحبابه بأنواع كمالات مكارم الأخلاق وجعل منهم أئمة يهدون بأمره في سائر الأحوال والأوقات والبلدان ويفتحون بإذنه باب التوبة والمغفرة لعباد الله والصلاة والسلام على سيدنا ومولانا محمد صلى الله عليم وسلم إمام الأنبياء والمرسلين وأفضل خلق الله أجمعين وعلى آله الأطهار نجوم الهدى وأصحابه الأعلام مصابيح الاقتداء وجميع ورثته صلى الله عليه وسلم من أمته القائمين عنه في أحواله والنائبين منابه في أفعاله

وأقواله ما نطق بلسان الشريعة الغراء ناطق وترجم بلسان الحقيقة ترجمان صادق. أما بعد..

Segala puji bagi Allah yang telah mengistimewakan para kekasihnya dengan kesempurnaan makarimul akhlak, dan menjadikan dikalangan mereka itu para pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintahNya dalam setiap ahwal, masa dan tempat. Dengan izin dariNya mereka membuka pintu taubat dan maghfirah untuk hamba-hamba Allah. Selawat dan salam buat Saiyidina Nabi Muhammad ﷺ yang merupakan imam para anbiya dan mursalin, makhluk Allah yang terbaik, juga selawat dan salam buat ahli keluarga baginda yang suci serta bintang-bintang hidayah, juga buat para sahabatnya: obor yang menerangi perjalanan, juga buat para pewaris baginda ﷺ yang menjejaki sirah perjalanannya pada perbuatan, perkataan... selawat dan salam yang berkekalan selagi lisan syariat berbicara dan lisan hakikat menterjemahkannya.

Apakah kita tahu bahawa sifat setia, khauf dan sabar dapat membantu untuk menempuh jalan kesempurnaan yang dikatakan telah tertutup ini?! Benar, inilah jalan membawa kembara yang menempuh kepada istiqamah, makarimul akhlaq dan perpaduan negara dalam merealisasikan **ISO Akhlak Antarabangsa**.



SETIA


Sifat setia merupakan salah satu cabang kepahlawanan. Contohnya:

- Jika kita meminjam sesuatu dari orang lain maka wajiblah

kita memulangkannya sesegera mungkin tanpa melengah-lengahkan masa demi menanamkan rasa saling percaya-mempercayai antara satu sama lain dalam masyarakat, ini mesti dilakukan tanpa bertangguh, lupa mahupun leka.

- Jangan sampai tercatat pada dirimu sikap suka melengah-lengah membayar hutang misalnya.
- Kita juga mesti menjaga adab pergaulan dengan saudara seperjalanan, memelihara janji-janji mereka, janji-janji dengan rakan taulan setiap masa.
- Peliharalah juga hubungan kita dengan mereka sebaik mungkin, perasaan kasih yang mendalam terhadap mereka turut dijaga jangan sampai berkurang, sedapat-dapatnya sentiasalah berbuat baik dengan mereka semua.
- Kekal memelihara kemesraan, tidak melupakan janji terhadap saudara selama-lamanya dan tidak pernah alpa dari memuliakan mereka selagi terdaya.

Memelihara janji dan mengekalkan rasa-rasa ini sepanjang masa mestilah diusahakan sedapat mungkin kerana semua ini sebenarnya merupakan sebahagian dari kesetiaan janji dan ketaatanmu kepada Allah. Inilah juga ibadah dan penyembahanmu kepada Allah dalam tiap gerak diammu apabila engkau terus istiqamah melaksanakan amalanmu dan tetap diatas keazamanmu kerana Allah. Disitulah kita nanti dihadiahkan Allah Taala satu kurniaan yang dijanjikan dalam firman-Nya:



"Dan bagi mereka yang berjihad kepada Kami pasti Kami akan tunjukkan mereka jalan-jalan Kami." - **Al-Ankabut: 69**

Dan lagi antara puncak kesetiaan itu ialah apabila dapat melupakan saja kebaikan kita pada manusia dan

sentiasa mengingat pula kebaikan-kebaikan mereka pada kita. Ingatlah kebaikanmu pada mereka tidak sia-sia dan janganlah pula kebaikan mereka padamu dilupakan kerana di situ ada anugerah dari Allah Taala sepertimana yang disabdakan oleh junjungan mulia Nabi kita ﷺ:

صنائع المعروف تقي مصارع السوء

"Amal-amal makruf dapat menghindar nasib malang."



KHAUF

Sifat yang kedua ialah khauf (takut). Sesungguhnya banyak takutkan Allah itu dapat membawa kita ke jalan keselamatan dan istiqamah. Sentiasalah bimbang dan sedarlah atas jalan Allah dengan keyakinan yang sebenarnya bahawa Dia sentiasa melihat dan memantaumu, Dia sentiasa bersama dan mengawasimu dalam tiap patah perkataan, perbuatan, gerak dan diam, tidur dan jaga, bersendirian mahupun ramai. Kalau engkau sedari itu apakah masih mahu lagi menyandar harapanmu pada makhluk, masihkah mahu meminta pada mereka sedangkan engkau tahu bahawa zaman ini telah rosak, manusianya pun rosak tujuan hidup, kecenderungan dan hanya mementingkan diri semata-mata?!

Mampukah kita untuk membebaskan dari dari setuju dengan rasuah yang ditukar namanya dengan istilah-istilah baru yang diterima pakai sepertimana dapat disaksikan pada masyarakat zaman sekarang? Tambahan pula mereka

yang menyogok itu bukan memberi kerana kasih-sayang, bukan juga bermotif saudara seagama dan bukan juga kerana semangat patriotik tapi semata-mata untuk mendapatkan keinginan mereka yang rosak atau untuk merampas hak orang lain. Sedia maklum dalam diri kita masing-masing cuma ada sekeping hati yang hanya akan takut kepada Allah atau takut kepada manusia, tak mungkin dua perasaan takut yang berbeza itu dapat berhimpun dalam sekeping hati.



SABAR

Sifat ketiga yang dapat membuka jalan menuju kesempurnaan insan adalah sabar membalas kejahatan orang padamu dengan kebaikan hingga nanti setiap yang memusuhimu akhirnya mengakui kelebihan, kebaikan dan keagungan peribadimu. Jika mereka menyaksikan ini padamu - dan kamu sendiri memang sudah biasa sabar serta tidak memperdulikan kejahatan dan kedegilan mereka- pastilah mereka nanti akan kembali ke pangkal jalan sesudah bertaubat kepada Allah Azza Wajalla yang Maha Pemaaf dan Pengampun. Akhirnya sikap mereka menjadi baik dan keadaan mereka jadi sempurna. Kemudian mampukah kita yang begitu sibuk dengan urusan dunia untuk lebih banyak dan berhabis-habisan mentaati Allah dan pelbagai bentuk pengabdian, bahkan makin banyak kerja yang dilakukan makin sunguh-sunguh kamu mentaati Allah Raja yang Maha Jabbar dan Qahhar.

Kalau kita merenung ayat-ayat Al-Quran kita akan dapati bahawa antara sifat mahmudah yang paling besar dan penting yang Allah perintahkan kepada hamba-hambaNya untuk menghias diri dengannya ialah sifat sabar. Kerana

kesabaran merupakan satu tanda kesempurnaan insani yang mereka itu merupakan golongan para nabi dan rasul alaihimus solatu was salam serta para solihin r.h.

Jelaslah dengan ini bahawa pengajian **Tasawwuf Islam** memberi kita banyak udara baru yang belum terpakai, segar-bugar lagi tabi'i untuk dihirup. Ia memberi kita satu orbit istimewa, membuka banyak lorong, laluan dan jalan untuk melihat alam nyata dan apa yang ada di balik alam nyata ini demi untuk sampai kepada kesempurnaan makarimul akhlak dan pelaksanaan **ISO Akhlak Antara-bangsa**. Kerana itulah ditegaskan bahawa keagungan mereka yang berusaha mencapai kesempurnaan insani, istiqamah rabbani dan kebahagiaan abadi adalah hasil dari keyakinan dan keimanan, bukan kerana dalil hujjah maupun bahan bukti. Semoga Allah menetapkan kita semua di atas sirotul mustaqim, amin.

Pada artikel kita akan membentangkan satu model pengajian **Tasawwuf Islam** dari kitab ***Ayyuhal Walad*** karangan Hujjatul Islam Syeikhul Islam Wal Muslimin Al-Imam Abu Hamid Bin Muhammad al-Thusi Al-Ghazali r.h.

Sebenarnya kitab ***Ayyuhal Walad*** merupakan jawapan dari Imam Al-Ghazali r.h terhadap persoalan yang dikemukakan oleh seorang syeikh yang alim dari kalangan penuntut kanan beliau yang telah bertahun berkhidmat kepadanya, menghabiskan hidupnya mengkaji segala cabang pengetahuan dan sibuk menghimpun ilmu serta membacanya hingga berjaya menguasai ilmu yang seni-seni dan mencapai kesempurnaan diri.

Satu hari terfikirlah si alim akan hal dirinya lalu terlintas dilubuk hati: "Aku telah mengkaji segala macam ilmu dan menghabiskan usia dalam mempelajari dan menghimpunnya hingga umurku hampir sampai ke penghujung. Sekarang sepatutnya aku tahu mana yang bermanfaat untukku esok dalam kehidupan akhiratku dan untuk menemaniku di

dalam kubur, aku juga harus tahu mana dari ilmu-ilmu itu yang tidak bermanfaat supaya dapat kutinggalkan sepertimana sabda Baginda junjungan Saiyidina Muhammad Rasulullah ﷺ:

اللهم إني أعوذ بك من علم لا ينفع

"Allahumma, sesungguhnya aku bermohon lindunganMu dari ilmu yang tidak bermanfaat."

Berterusanlah fikiran ini sehingga dia menulis kepada Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali r.h meminta pandangan dan bertanyakan soalan serta memohon nasihat dan doa. Murid ini turut menyatakan: "Walaupun segala karangan syeikh seperti kitab Ihya' dan yang lain-lain ada jawapan terhadap permasalahanku, aku berhajat agar syeikh menulis di dalam satu risalah yang dapat aku bawa bersama seumur hidupku dan aku beramal dengannya sepanjang usiaku Insya Allah."

Maka ditulislah risalah ini oleh Imam Al Ghazali sebagai jawapannya lalu dinamakan risalah/kitab ini ***Ayyuhal Walad*** (Wahai Anakku).

Di dalam risalah ini, Imam Ghazali berbicara kepada seorang yang terpelajar lagi cendiakawan yang luas pengetahuan. Justeru itu beliau memfokus soal beramal dengan ilmu sesuai dengan latar belakang penyoal. Ini kerana buah ilmu pengetahuan itu terzahir pada tingkah laku insan dalam hidupnya. Selain itu intipati yang teramat penting dari karya ini ialah Imam Al-Ghazali mengarangnya pada penghujung umurnya: iaitu setelah mana beliau melalui sendiri berbagai pengalaman hidup, merasai kemanisan syariat, tareqat dan roh beliau telah disinari oleh cahaya hakikat. Demikianlah seperti kata hukama':

من ذاق عرف وتعرف ومن لم يذق لم يعرف ولم يتعرف

"Siapa yang telah merasa dia akan tahu dan kenal,

dan siapa yang belum merasa dia tidak tahu dan tidak kenal."

Imam Al-Ghazali telah mempastikan benar bahawa para ahli hakikat dari kalangan kaum sufi Islam sajalah yang mengetahui rahsia jalan yang benar, pantas dan langsung menuju kepada Allah ﷻ. Untuk sampai kepada Tuhan perlu kepada peningkatan dalam martabat imam dan ihsan. Sabda Nabi Muhammad ﷺ ketika Baginda ditanya oleh malaikat Jibril عليه السلام tentang ihsan di dalam hadis yang masyhur yang diriwayatkan oleh Saiyidina Umar رضي الله عنه:

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

"Bahawa ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihatNya. Jika tidak, maka yakinlah sesungguhnya Dia melihatmu."

Kerana itulah artikel saya yang menyeru kepada **ISO Akhlak Antarabangsa** ini akan memfokus soal amalan dan adab pergaulan dengan mengangkat syiar: "*Ini ilmunya, sekarang mana amalan bahkan mana adab pergaulannya*?". Inilah makna sempurna dari kalimat taqwa disebut dengan jelas dan tegas digesa berulang kali di dalam Al-Quran, contohnya firman Allah:

وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ

"Dan berbekallah, maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa." - **Al-Baqarah: 197**

Saiyidina Rasulullah ﷺ telah meletakkan muamalah atau adab pergaulan setaraf dengan agama dalam hadis baginda yang terang-terang menyebut:

الدين المعاملة

"Bahawa agama itu adalah muamalah (interaksi)"

Di zaman sekarang muamalah itu dapat saya ertikan sebagai **ISO Akhlak Antarabangsa**.

Saya pelajari dari hadrat guru-guru saya para syeikh sufi r.h bahawa: "**Tasawwuf Islam** semata-mata adalah amalan yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah, ijmak ulama yang beramal dengan ilmu mereka dari kalangan umat Nabi junjungan Muhammad Rasulullah ﷺ. Yang lain dari itu maka kami menolaknya, tidak kami terima, takkan kami ambil dan takkan kami ajarkan. Maka hendaklah kamu terus beramal sesuai dengan apa yang disabdakan oleh penghulu alam buana Saiyidina wa Maulana Rasulullah ﷺ:

خير الأعمال أدومها وإن قلت

"Sebaik-baik amalan itu ialah yang berterusan walaupun sedikit",

Dan sudah pasti bahawa amalan itu mesti bermula dengan ilmu yang patut dituntut untuk menjadi pembantumu sepertimana yang telah disebut oleh para guru sufi r.h:

طلبنا العلم لغير الله فأبى العلم إلا أن يكون لله سبحانه وتعالى

"Dulu kami menuntut ilmu bukan kerana Allah lalu ilmu itu enggan berguna kecuali jika dituntut kerana Allah."

Ilmu itulah yang diamalkan dalam perjalanan hidupmu menuju istiqamah seperti sabda Nabi ﷺ kepada seorang sahabat baginda yang mulia:

قل آمنت بالله ثم استقم

"Katakanlah: Aku telah beriman kepada Allah, kemudian hendaklah kamu istiqamah."

Maksudnya: katakanlah dengan lidah dan hatimu, dengan jiwa dan rohmu, dan dengan segala *lathifah alamul amri* dan *lathifah alamul khalqi* bahawa aku telah beriman: sepanjang perjalananmu menempuh berbagai peringkat dan peningkatan jiwa dalam menuju kesempurnaan insani bagi mencapai maqam istiqamah.

Harus dijelaskan bahawa adab pergaulan dan istiqamah takkan sempurna melain serta beradab dengan Allah Taala dan RasulNya ﷺ pada setiap keadaan, masa, lahir dan batin, adab waktu susah dan senang serta adab dengan semua makhluk Allah Taala. Cara memperolehinya dengan berusaha bersungguh-sungguh, mengorbankan apa yang ada untuk mendapatkan adab yang awam terlebih dahulu. Apabila sudah berhasil adab yang awam itu maka seseorang telah bersedia -dengan taufik dari Allah- untuk memasuki kesempurnaan adab golongan khawas dari kalangan ulama'ul amilin dan para wali, kemudian dia akan meningkat kepada adab golongan khawasul khawas -dengan kurnia, taufik dan ihsan dari Allah Taala- sepertimana dalam firmanNya:

وَسْـَٔلُوا۟ ٱللَّهَ مِن فَضْلِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا

"Dan mintalah kepada Allah dari kurniaNya sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tiap sesuatu" - **An-Nisa': 32**

Satu lagi contoh **ISO Akhlak Antarabangsa** yang ingin diketengahkan ialah nukilan Sidi Abu Madyan Al-Ghauth - salah seorang tokoh pengasas kesempurnaan kualiti dalam ISO ini yang signifikan dengan **Tasawwuf Islam**/mu'amalah/

Agama Islam dalam satu bait syairnya:

ولا ترى العيب إلا فيك معتقدا

عـيبا بــدا بــينا لكنه اســتــترا

"jangan engkau melihat aib
selain pada dirimu sendiri
yakinlah benar ada aibmu
cuma ia tersembunyi."

Maksudnya hendaklah kamu mengenalpasti dirimu bahawa engkau fakir, dhaif, lemah lagi hina dihadapan Allah Taala. Kalau sudah kau kenal sifat dirimu dan engkau mengakuinya pula – cuma sifat-sifat tadi tidak terzahir pada anggota- maka disitu engkau akan dipakaikan oleh Tuhanmu dengan sifat kurniaanNya padamu seperti yang digambarkan dalam sepotong doa:

سبحان من ستر سر الخصوصية في ظهور البشرية وظهر بعظمة الربوبية في إظهار العبودية

"Maha Suci Tuhan yang menutup rahsia khususiah pada zahir manusia, dan menzahirkan keagungan sifat ketuhananNya pabila hamba menzahirkan rasa kehambaan."

Dengan itu maka fahamilah rahsia firman Allah Azza Wajalla:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ . . .

"Maha Suci Tuhan yang telah mengisra'kan hambaNya.." - **Al-Isra': 1**

Lihat, disini Allah tidak menyebut: "...mengisra'kan RasulNya" atau "...NabiNya", ini merupakan satu isyarat maknawi yang begitu tinggi; satu maqam yang tak mungkin dicapai melainkan melalui pintu ubudiyyah (kehambaan). Kerana itu seorang penyair pernah mengungkapkan:

ولا تدعني إلا بيا عبدها   فــإنه أشـــرف أســـمائي

"Jangan memanggilku...
melainkan dengan menyebut: wahai hambanya
"Wahai Hambanya" itulah "namaku yang paling

Wahai saudaraku yang mencintai Allah, remuk-redamkanlah jiwamu kepada Allah dan RasulNya, juga kepada para solihin r.h dari kalangan umat baginda Nabi ﷺ. Jangan kau rasa diri istimewa, jangan kau rasa punya apa-apa, nanti engkau akan dapat mengatasi segala yang menghalang peningkatanmu. Istighfarlah setiap kali terlintas pada jiwamu apa-apa yang mencacatkan rasa kehambaanmu, berdirilah menginsafi dosa, sedar dirilah lalu jadikan rasa kehambaan itu realitimu hingga cahaya dari Tuhan akan menyinarimu, hingga engkau mencapai darjat-darjat tertinggi, kemanusianmu bersih dari akhlak keji lalu diganti dengan akhlak-akhlak junjungan Nabi ﷺ yang suci murni. SMA



4

FASAL EMPAT

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين والصلاة والسلام على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه أجمعين. اللهم اجعلنا ممن لزم ملة نبيك سيدنا ومولانا محمد صلى الله عليه وسلم وعظم وحرمته وأعز كلمته وحفظ عهدك وذمته ونصر حزبه ودعوته وكثر تابعيه وفرقته ووافق زمرته ولم يخالف سبيله وسنته. اللهم إنا نسألك الاستمساك بسنته ونعوذ بك من الانحراف عما جاء به. اللهم إنا نسألك من خير ما سألك

منه سيدنا ومولانا محمد عبدك ونبيك ورسولك صلى الله عليه وسلم ونعوذ بك من شر ما استعاذك منه سيدنا ومولانا محمد عبد ونبيك ورسولك صلى الله عليه وسلم. ونسألك يا الله يا واحد يا أحد العفو والعافية والهداية والتوفيق والرضا والستر والحفظ وأن تجعلنا من خير المصلين والمسلمين على رسولك وحبيبك سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم.

أما بعد..

Sabda junjungan besar Saiyidina Rasulullah ﷺ:

يحشر المرء على دين خليله فلينظر أحدكم من يخالل

"Seseorang itu akan dibangkit di Padang Mahsyar diatas agama temannya, maka hendaklah setiap kamu mengambil kira soal dengan siapa dia berteman (di dunia)."

Kalau kita telah mengetahui perkara ini maka wajiblah kita untuk tidak berteman, tidak berkawan dan tidak bersahabat melainkan dengan orang yang sikapnya dapat membangun jiwa kita dan kata-katanya menunjuk kita jalan menuju Allah.

Ketahuilah -moga Allah memberi taufik pada diriku dan dirimu untuk beramal soleh dan sempurna adab pergaulan- bahawa diantara adab yang batin dan zahir itu ialah seperti yang terkandung dalam doa:

اللهم اجعل سريرتي مثل علانيتي

"Allahumma jadikanlah sifat hatiku sama dengan sikap zahirku."

Moga-moga Allah merasakan padaku -jua padamu- betapa manisnya dapat berhubung serta dekat denganNya ... amin. Untuk itu ketahuilah bahawa ada dua perkara wajib dilakukan oleh mereka yang ingin menjadi golongan muhsinin kerana golongan muhsinin inilah yang mendapat jaminan Allah Taala:

إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ

"Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat dengan golongan muhsinin." **- Al- A'raaf: 56**

Perkara pertama ialah: Mencari contoh ikutan (guru mursyid) sepertimana yang difirmankan Allah Taala dalam Al-Quran:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا

"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh ikutan yang baik bagi orang yang ingin kepada Allah dan (keselamatan di) hari Akhirat dan bagi orang yang banyak mengingati Allah." **- Al-Ahzaab: 21**

Perkara kedua: Mengikat 'ahd (janji setia yang dapat diertikan sebagai mendaftar diri ke sebuah kolej antarabangsa dan universiti dunia akhirat) dengan seorang syeikh mursyid yang arif, sempurna lagi menyempurnakan, seorang pewaris yang sampai dan menyampaikan orang lain kehadrat Allah.

Aku mendengar ucapan syeikh mursyidku yang kamil Sidi Abd. Nasir ﷺ:

من دلك على الدنيا فقد غشك ومن دلك على الآخرة فقد أتعبك ومن دلك على الله فقد أراحك

"Siapa yang menunjukkanmu jalan ke dunia maka sesungguhnya dia telah menipumu, siapa yang menunjukkanmu jalan ke akhirat maka sesungguhnya dia melelahkanmu, siapa yang menunjukkanmu jalan menuju Allah masa sesungguhnya dia telah menyenangkanmu."

Masyarakat umum, para pendakwah dan motivator menyeru kepada pemikiran tertentu: bicara mereka adalah teori soal pintu-pintu menuju Allah dari jauh maupun dekat. Berbeza sekali dengan para syeikh yang sempurna; mereka menyeru kepada Allah dan berdakwah kepada pandangan hati yang bersih, mereka memimpinmu mengadap kehadrat Allah yang maha Dekat lagi Maha Menyahut Permintaan. Amatilah perbezaan ini dan fikirkanlah tentang maknanya supaya engkau beroleh kejayaan hakiki. Moga Allah yang Maha Baik lagi Maha Mengetahui meredhai serta memberi kita taufik dan keyakinan.

Sesudah itu kita mesti istiqamah dalam taubat, kerana taubat merupakan asas pada setiap hal peningkatan jiwa dan maqam rohani. Dalam hal ini taubat diumpamakan seperti tapak asas kepada sebuah bangunan, tanpa tapak yang kukuh seseorang tak dapat membina rumah, begitulah halnya dengan taubat: tanpa taubat seseorang takkan meningkat dan takkan mencapai maqam apa-apa. Demikianlah halnya taubat yang merupakan maqam pertama yang mesti ditempuh oleh mereka yang ingin menuju hadrat Allah Azza Wajalla.

Atas dasar ini Tuhan telah memerintahkan para hambaNya untuk istiqamah dalam taubat sepertimana yang diwahyukan kepada RasulNya Saiyidina Muhammad ﷺ; manusia maksum yang teragung:

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ

"Maka hendaklah engkau (wahai Muhammad) istiqamah sepertimana yang telah diperintahkan kepadamu dan juga mereka yang bertaubat bersamamu." **Hud: 112**

Para syeikh sufi r.h telah berkata: "Barangsiapa istiqamah dalam taubatnya serta zuhud dengan dunia maka sesungguhnya seluruh maqam dan hal peningkatan rohani telah dipintasnya". Antara perkara yang membantu dalam hal taubat ini ialah apa yang terkandung dalam sebuah *atsar* dari baginda Nabi ﷺ:

صفاء الصدور لا يعدله عمل

"Hati yang bersih adalah amalan yang tak dapat ditandingi oleh amalan lain."

Dalam bahasa yang mudah *atsar* ini boleh diertikan seperti berikut: "Yang sudah berlalu telah mati dan setiap hari aku membuka lembaran baru yang putih bersih."

Disamping itu juga ada dua prinsip **Tasawwuf Islam** yang ku pelajari dari syeikh mursyidku r.h terkandung dalam ucapan berikut:

الصلح والاصطلاح مع الله عز وجل والسلم والمسالمة مع الناس

"Dengan Allah kita mesti mengikat perjanjian damai, sesama manusia kita mesti selamat dan menyelamatkan."

Ini takkan dapat dicapai dan takkan dapat disempurnakan dalam diri kecuali dengan *suluk* (menempuh jalan istiqamah) dan *sirothol mustaqim*.

Yang dimaksudkan dengan suluk di sini ialah bermujahadah melawan nafsu melalui:

1. **Takhalli,** yaitu mengosongkan diri dari sifat-sifat mazmumah yang telah menjadi kebiasaan kita bemula sejak keluar dari rahim ibu.
2. **Tahalli,** yaitu menghias diri dengan akhlak-akhlak Nabi yang mulia lagi terpuji samada dalam perkataan, perbuatan, gerak dan diam, yang mana akhlak-akhlak ini sebenarnya telah sedia ada bersama fitrah kita yang murni sepertimana yang digambarkan oleh junjungan Nabi Muhammad ﷺ dalam sebuah hadisnya: "*Tidaklah seseorang itu lahir melainkan dengan fitrah...*". Fitrah inilah sebenarnya akhlak mulia dan istiqamah.

Atas dasar itulah kempen kita kearah pencapaian **ISO Akhlak Antarabangsa** yang seerti dengan **Tasawwuf Islam** merupakan pendidikan ilmu dan pengamalan praktikal untuk membangun jiwa, merawat penyakit-penyakit hati, menanam dan menyuburkan kemulian akhlak, mencabut perangai-perangai keji, menundukkan syahwat serta melatih diri untuk sabar, redha, ketaatan, membangun negara dan mengembangkan lagi aset bangsa sama ada dalam bentuk fizikal maupun roh. Inilah mujahadatun nafsi: mujahadah melawan nafsu dan mengekang kebuasannya serta muhasabah yang amat teliti atas setiap amalannya, menjaga hati dari kealpaan dan sangkaan-sangkaan buruk

juga menjauhi setiap perkara yang melalaikan dari zikrullah.

Tasawwuf Islam merupakan makrifatullah; mengenal dan mentauhidkan Allah, menuju dan bersegera kepadaNya, memalingkan diri dari selainNya, sunguh-sungguh beribadah padanya (amal = ibadah), mentaatiNya (mencari rezeki dari usaha yang halal), menjaga larangan dan menegakkan syari-atNya, mencari kurnia dan pemberian dariNya.

Kesimpulannya, Tasawwuf ialah ilmu seni Islam yang akan meningkatkan seseorang ke tahap-tahap kesempurnaan insan, membawanya untuk melalui perjalanan para arifin: mereka yang kenal Allah ﷻ. Tasawwuf juga merupakan ilmu, hikmat, cahaya hati, hidayah, tarbiyah, pemurnian, rawatan, penjagaan, taqwa, istiqamah, sabar, jihad serta lari dari fitnah dunia dan perhiasannya sepertimana yang diper-intahkan oleh Allah Taala di dalam kitab suci Al-Quran:



"Maka larilah kamu kepada Allah..." - **Az-Zariyat: 50**

Masyaikh sufi r.h menyifatkan Tasawwuf dalam rangkaikata berakhlak dengan seluruh akhlak yang indah mulia serta meninggalkan semua perangai keji lagi hina. Mereka juga berkata: "Di sudut adab manusia terbahagi kepada tiga tingkatan:

1. **Ahli dunia,** majoriti adab mereka ialah tentang kefasihan bahasa, keindahan sastera, menghafal ilmu dan syair nazam.

2. **Ahli akhirat,** majoriti adab mereka ialah pada *riyadhatun nufus* (latihan jiwa), memelihara anggota lahir dari

kejahatan, menjaga larangan Allah dan meninggalkan keinginan syahwat.

3. **Ahli khususiah** dan **kaum sufi**, majoriti adab mereka ialah pada kesucian hati, menjaga rahsia rohani, setia dengan janji-janji yang termeterai antara hamba dengan Tuhannya, menjaga masa, tak melayan gangguan perasaan, beradab sopan ketika meminta padaNya dan ketika hadir mengadap serta mencapai maqam-maqam *taqarrub* padaNya."

Dengan ini maka nyatalah bahawa Tasawwuf adalah gabungan ilmu, amal dan adab. Tasawwuf adalah intipati, roh, buah dan hikmah dari syariat sepertimana yang telah disebutkan oleh para guru sufi r.h yang merupakan para pemuka di medan seni ini:

الطرق والسلوك والمدارس كلها مسدودة على جميع الخلق
إلا على من اقتفى أثر سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله
عليه وعلى آله وصحبه وسلم

"Semua tarekat, suluk dan institusi-institusi kesufian telah tertutup pintunya dari dimasuki oleh semua makhluk kecuali untuk mereka yang mengikuti perjalanan junjungan kita Rasulullah ﷺ."

Atas dasar inilah maka ulama yang alim lagi beramal dengan ilmunya; Ibnu Khaldun r.h menyebut didalam kitab Al-Muqadimah bahawa Tasawwuf disebut ilmu hakikat dalam ilmu-ilmu syarak, manakala bidang feqah yang menyentuh soal hukum-hakam ibadat dan muamalat disebut sebagai ilmu syariat. Menjelaskan tentang ikatan antara syariat dan

hakikat yang bergabung untuk membentuk keperibadian seorang mukmin sempurna lagi sejati lahir dan batin ini para syeikh sufi r.h berkata:

حقيقة أي تصوف بلا شريعة باطلة وشريعة بلا حقيقة عاطلة

Hakikat (Tasawwuf) tanpa syariat adalah batil, sedangkan syariat tanpa hakikat adalah pengangguran".

Bagi seorang muslim yang mahu mencapai maqam kesempurnaan insaniahnya, hakikat dan syariat ibarat sepasang sayap yang kedua-duanya amat diperlukan oleh seekor burung.

Terdapat penyamaran dan pemalsuan terhadap Tasawwuf berlaku dari zaman dahulu hinggalah sekarang yang dilakukan oleh manusia-manusia tak bermaruah. Mereka menuntut ilmu sesat kaum batiniah, kemudian menyarung pakaian sufi untuk menipu dan menarik perhatian orang ramai lalu memasukkan kedalam Tasawwuf ajaran-ajaran sesat mereka dan falsafah-falsafah karut yang ditolak agama lalu menyesatkan kaum muslimin. Sekali-kali mereka bukan ahli sufi, ajaran mereka sama sekali tiada kena mengena dengan **Tasawwuf Islam** bahkan ulamaul amilin para syeikh sufi yang agung r.h dengan tegas menentang mereka tanpa tolak ansur lagi. Para ulama itu dengan keras melabel kaum tersebut sebagai ahli zindik, mulhidun dan penjenayah yang menyamar masuk ke dalam **Tasawwuf Islam**.

Disetiap zaman para ulama Islam telah tampil untuk membongkar pembohongan dan penyamaran kaum zindik yang mengaku bertasawwuf ini, perjuangan akan berterusan dari zaman ke zaman hinggalah ke hari kiamat kerana pertembungan antara pendokong kebenaran dengan kuncu-kuncu kebatilan akan tetap berlaku.

Ada pula satu golongan lain yang mendakwa diri mereka ahli sufi melalui penampilan satu budaya serta adat resam tertentu, syiar-syiar palsu, taklid-taklid pelik yang diwarisi secara bid'ah turun-temurun. Mereka sebenarnya tiada hubungan dengan **Tasawwuf Islam** bahkan merekalah penyamun-penyamun yang menyamar dan membuat kerosakan dalam arena sufi, merekalah ahli bid'ah dan penjahat, demi sesungguhnya **Tasawwuf Islam** dan para ulamanya r.h sama sekali tidak mengiktiraf golongan seperti ini.

Renungkanlah di sini -demi melihat dengan jelas sikap kesufian nyata- dari sebuah hadis *musalsal* dan masyhur dikenal sebagai *al-musalsal bissufiyyah* yaitu sabda jungjungan Nabi ﷺ:

اتقوا فراسة المؤمن فإنه يرى بنور الله

"Takutlah olehmu firasat orang mukmin: sesungguhnya dia melihat dengan cahaya Allah."

Begitulah kita akhirnya dapat membuat satu kesimpulan yang amat penting iaitu: segala kecaman yang dilempar kepada ahli **Tasawwuf Islam** sebenarnya datang dari golongan jahil, hasad dengki dan pembohong yang selama ini menuduh bahawa kaum Tasawwuf mendorong masyarakat menjadi malas, dungu, bahlol, penganggur, pengemis, sihir dan karut-marut, bid'ah, sesat, kufur, penyembah kubur... semua tuduhan ini digembar-gembur semata-mata adalah untuk membelasah Islam dan umatnya dengan cara merosakkan imej para ulama rabbani yang sampai dan menyampaikan orang lain kepada Tuhan melalui rantaian sanad mereka yang bersambung kehadrat junjungan besar baginda Nabi Muhammad ﷺ.

Jika golongan hasad dengki itu berjaya memutuskan

rantaian sanad yang bersambung ini maka jadilah umat Islam hidup tanpa pemimpin yang dapat mendidik mereka, mengasuh dan mengajar mereka. Alangkah malangnya nasib kerana inilah sebenarnya yang telah berlaku di zaman kita sekarang, tak boleh tidak kita mesti mengakui hakikat ini lalu kembali kepada Allah Taala melalui junjungan Nabi kita Rasulullah ﷺ kerana baginda telah bersabda:

لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من نفسه وماله ووولده والناس أجمعين

"Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih dicintai dari hartanya, anaknya dan dari seluruh manusia."

Saiyidina Umar ؓ berkata:

كنا أذلاء فأعزنا الله بهذا الدين

"Dulu kami bangsa yang hina dina lalu Allah telah memuliakan kami dengan agama ini (Islam),"

maksudnya: dengan junjungan Rasulullah ﷺ, kemudian dengan Khulafa Al-Rasyidin yang empat, kemudian dengan khalifah-khalifah baginda yang mereka itu merupakan ahli-ahli ubudiyah kepada Allah Taala; wali-wali agung, para ulamaul amilin, golongan rabbani dan syeikh-syeikh Islam hinggalah ke hari kiamat nanti.

Demi menginsafi kebenaran dan berlaku adil terhadap orang-orang yang benar maka haruslah difahami bersama bahawa dosa-dosa kaum pendusta yang menyamar dan

menyeleweng itu tak patut dipikulkan di atas bahu Tasawwuf dan golongan sufi Islam. Puji atau keji, dorongan maupun ancaman haruslah ditujukan kepada mereka yang berhak menerimanya dengan mengenepikan sentimen asabiah maupun menuduh tanpa bukti dan ilmu, tanpa firasat, *kasyaf*, *istikharah*, juga tanpa merujuk kepada mereka yang sempurna akal, ilmu, amal dan adab di setiap tempat dan zamannya. Perenggan ini kami sudahi dengan mengenengahkan pandangan Imam As-Syatibi r.h tentang siapa sebenarnya kaum sufi itu, kata beliau:

أن الصوفية الصادقين هم أهل اتباع لا ابتداع وإنهم أحرى بالمدح والتقدير وإنهم أبعد الناس عن البدع وأهلها وأرعى الناس للحفاظ على اتباع الشريعة وآدابها

"Sesungguhnya kaum sufi yang sejati itu adalah orang-orang yang mengikuti perjalanan sunnah, mereka bukan kaum bid'ah, merekalah golongan yang paling patut menerima pujian dan penghargaan, merekalah manusia yang paling jauh dari perbuatan bid'ah, merekalah golongan yang paling menjaga soal-soal syariat dan adab-adabnya".

Demikianlah sebenarnya roh tarekat sufiyah yang dibawa oleh para syeikh kami r.h ada pada *suhbah* (mendamping guru) yang dipenuhi oleh kasih sayang, berkorban, khidmat dengan tulus, keyakinan, tolak ansur dan mendahulukan kepentingan kawan beserta ihsan.

Ulama sufi r.h ada menyebutkan: "Antara kerugian paling besar ialah engkau bertemu awliya Allah namun engkau tidak mendapat rezeki ilmu, amal dan adab dari mereka". Makna yang sama turut dipesankan oleh Sidi Ibnu Atho'illah As-Sikandari r.h di dalam kitab Hikam-nya:

ليس الشأن وجود الطلب إنما الشأن أن ترث حسن الأدب

"Bukanlah soalnya itu punya keinginan, tapi soalnya sekarang ialah engkau mendapat warisan adab yang baik."

Kita akhiri artikel ini dengan satu rangkaian nasihat yang diucapkan oleh Nabi junjungan Saiyidina Muhammad ﷺ kepada kita umatnya:

علامة إعراض الله تعالى عن العبد اشتغاله بما لا يعنيه، وإن امرأ ذهبت ساعة من عمره في غير ما خلق له من العبادة لجدير أن تطول عليه حسرته، ومن جاوز الأربعين ولم يغلب خيره على شره فليتجهز إلى النار.

"Tanda Allah Taala berpaling dari seorang hamba ialah bila dia sibuk dengan apa yang tak berguna untuknya. Jika berlalu satu detik dari masa seseorang itu bukan untuk ibadah yang kerananya dia diciptakan, maka patutlah baginya untuk panjang penyesalan. Barangsiapa melewati umur empat puluh tahun tapi kebaikannnya tidak mengatasi kejahatannya, maka bersiap-siaplah ke neraka."

Cukuplah peringatan ini bagi mereka yang berilmu, beramal dan beradab. SMA



FASAL LIMA

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين والصلاة والسلام على سيدنا ومولانا محمد وعلى آل سيدنا ومولانا محمد صلاة تفتح لنا بها أبواب الرضا والتيسير وتغلق بها عنا أبواب الشر والتعسير وتكون لنا بها وليا ونصيرا أنت ولينا ومولانا فنعم المولى ونعم النصير. اللهم ارحم والدينا ومشايخنا ومن علمنا ومن أدبنا ومن كان له حق علينا واغفر اللهم لهم مغفرة جامعة تمحو بها سالف أوزارهم وسيء إصرارهم وارحمهم رحمة تنير لهم بها المضاجع في

قبورهم وتؤمنهم بها يوم الفزع عند نشورهم. اللهم تحنن على ضعفهم كما كانوا على ضعفنا متحننين وارحم انقطاعهم إليك كما كانوا لنا في حال انقطاعنا إليهم راحمين وتعطف عليهم كما كانوا علينا في حال صغرنا متعطفين وارض عنهم رضا تحل به جوامع رضوانك وتحلنا وتحلهم به دار كرامتك وأمانك ومواطن عفوك وغفرانك وأدر علينا وعليهم لطائف برك وإحسانك. ونسألك يا الله يا حي يا قيوم العفو والعافية والهداية والتوفيق والرضا والستر والحفظ والرزق الحلال والإيمان والكامل عند حلول الأجل وأن تجعلنا من خير المصلين والمسلمين على رسولك وحبيبك سيدنا مولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم.

Kempen kita ke arah pencapaian **ISO Akhlak Antarabangsa** merupakan satu dakwah untuk mendapatkan adab-adab dan akhlak-akhlak kenabian yang terpancar dari junjungan kita Saiyidina Muhammad ﷺ. Inilah cita-cita tertinggi dan tujuan teragung dalam menjalani tarekat sufi Islam demi mencapai martabat istiqamah, kesempurnaan insani dan kualiti terbaik yang sekarang ini bukan lagi menjadi salah satu dari beberapa pilihan, bahkan menjadi kewajiban yang mesti pada era orde baru dunia ini. Bertasawwuf itu bukan untuk mendapat beberapa keramat kerana istiqamah itu lebih baik dari sejuta...sebilion keramat. Seperti inilah Tasawwuf sejati yang telah memenuhi bumi

dengan keindahannya sejak kurun hijrah pertama hinggalah ke hari ini.

Oleh itu, yang diertikan sebagai **Tasawwuf Islam** ialah Tasawwuf yang bersih dari segala yang syubhat, khurafat, karut marut dan segala macam silap mata. Tasawwuf yang tidak bercampur aduk dengan pembohongan, penyelewengan, kesesatan, kejahilan dan bid'ah. Itulah dia Tasawwuf yang menjadi pegangan ulama yang arif billah (kenal Allah): yang menegakkan hukum-hakam Allah, berpegang teguh dengan syariatNya. Tasawwuf sebeginilah yang kita perjuangkan dan kita rintihkan pada Allah agar dihayati oleh kedua-dua golongan terbesar umat Islam Ahlus Sunnah di zaman ini. Alangkah malangnya nasib kerana kedua-dua golongan ini terlalu salah faham terhadap Tasawwuf.

Golongan pertama mengecam Tasawwuf bahkan mengkafirkannya, mengingkarinya dan menyifatkan Tasawwuf sebagai ilhad (kufur), sembah kubur dan macam-macam lagi kata-kata yang tidak layak untuk dibahasakan kepada **Tasawwuf Islam** yang suci murni. Golongan kedua pula hanya menjadikan Tasawwuf sebagai satu metafora, syiar-syiar tanpa sebarang komitmen maupun amal, tidak juga taqwa dan zuhud, sebaliknya menokok tambah, membuang dan memangkas sesuka hati, bahkan melakukan pembohongan atas nama Tasawwuf, mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan peribadi seperti kemegahan, mengumpul harta dan merebut kekuasaan. Haruslah diketahui bahawa sifat-sifat yang disebutkan tadi langsung tidak ada kena mengena dengan **Tasawwuf Islam** yang kita perjuangkan.

Sesungguhnya **Tasawwuf Islam** merupakan antara solusi yang paling penting dan berkesan, pantas dan mantap untuk menyelesaikan segala permasalahan kita samada masalah peribadi, budaya, masyarakat, ekonomi, penjajahan, penghambaan, patriotisme, kemajuan, institusi kekel-

uargaan, silaturrahim dan juga soal untuk kembali kepada makarimul akhlak serta kempen kearahnya dengan cara berhikmah, nasihat yang baik, dengan cara moden dan penuh kesedaran.

Kita tidak menuntut semua orang menjadi sufi, ini tak mungkin kerana sufi adalah golongan yang sedikit jumlahnya dan kuotanya sudah ditetapkan oleh Allah Taala. Disamping itu memaksa semua orang menjadi sufi adalah kerja mustahil kerana setiap manusia memiliki citarasa dan kecenderungan yang berbeza-beza. Cuma setiap kita adalah harapan dan didoakan oleh insan kamil lagi junjungan agung kita Saiyidina Muhammad ﷺ yang telah bersabda:

المرء مع من أحب

"Seseorang itu (akan) bersama dengan orang yang dicintainya."

Para sahabat radhiyallahu 'anhum sangat gembira mendengar sabda baginda ini, maka atas dasar itulah kita juga wajib gembira mendengarkannya dan wajiblah kita memperjuangkannya.

Para pendeta Islam dari kalangan ulama rabbani telah banyak menghasilkan karangan yang bermutu tinggi dalam soal pokok dan cabang Tasawwuf: hal ehwal hati dan jiwa, bahaya dan cabaran-cabarannya, ubat dan penawarnya, pelbagai persoalannya, adab dan rasa/penghayatan, hal ehwal nafsu: tenang dan tegang, mujahadah dan sebagainya. Para ulama tersebut menuliskan ilmu-ilmu itu berlatarbelakangkan ehwal masing-masing dalam menjalani suluk -sebahagian mereka ada yang begitu keras- dan martabat mereka dalam bidang ilmu, rasa dan makrifat.

Oleh itu dalam soal menerima atau menolak isu ini sayogialah kita berpegang kepada prinsip yang adil lagi positif yang diasaskan oleh para syeikh r.h, kata mereka:

"Silakanlah mengkritik salah silap para ulama Islam yang hebat-hebat itu, baik mereka dari kalangan ahli hakikat maupun syariat. Tapi kritikan itu mesti dengan penuh beradab: jangan kamu memusnahkan mereka, jangan memukul ,mencaci maki, lagi jangan kamu menuduh mereka kafir kerana daging para ulamaul amilin itu beracun. Barang siapa menyakiti seorang wali Allah maka Allah telah mengisytiharkan perang keatasnya. Siapakah yang sanggup berperang dengan Allah?!".

Kerana itu juga wajib bagi mereka yang mendaftar pada madrasah seorang wali untuk mentaatinya -secara *majazi*-, manakala bagi seorang murid yang tulus yang menjadi pengikut tarekat wali itu pula hendaklah dia mengetahui bahwa dunia ini umpama salji yang mencair sedang akhirat itu umpama batu permata yang kekal lamanya. Hendaklah keazaman murid itu kuat untuk menjual dunia ini bagi membeli akhirat di sana. Kerana Tuhan telah berfirman:

قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ

"*Katakanlah: Nikmat dunia itu terlalu sedikit sedangkan akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa.*" - **An-Nisa':77**

FirmanNya lagi:



"*Apa yang ada ditanganmu akan habis dan apa yang ada pada Allah akan kekal.*" - **An-Nahl: 96**

Demikianlah ketentuannya kerana tarekat junjungan kami para syeikh sufi r.h secara jelas adalah satu perjalanan tahqiq, serius, amali, yakin, berserah diri secara total demi merealisasikan firman Allah Taala:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamulah sebaik-baik umat yang dikeluarkan dari kalangan manusia..." **- Aali Imran: 110**

Juga firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

"Dan demikianlah Kami menjadikanmu umat pertegahan..." **- Al-Baqarah: 143**

Inilah cita-cita dan matlamat semua guru sufi yang berpegang teguh dengan syariat dan itulah matlamat para pewaris mereka, murid-murid dan para pengikut mereka.

Demikian juga, wajiblah atas seorang murid sufi yang tulus menjaga tangannya, lidahnya, faraj dan hatinya dari terjebak dengan sebarang bentuk perkataan, perbuatan maupun gerak geri yang menyakiti atau mencacatkan kaum Muslimin dan Muslimat atau orang lain dan juga seluruh makhluk Tuhan sepertimana perintah Allah dalam Al-Quran dan dikhabarkan pula oleh junjungan Nabi kita ﷺ di dalam hadis-hadis baginda.

Ketahuilah dengan yakin bahawa tarekat junjugan para ahli sufi r.h berdiri diatas asas mujahadah melawan nafsu, menyembelihnya dengan pedang *mukhalafah* yakni menyalahi kehendak-kehendak nafsu hatta pada perkara-perkara yang *mubah* (harus) sedapat mungkin tanpa mengu-

rangi hak-hak orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Dengan meninggalkan perkara-perkara yang harus seorang insan dapat meningkatkan dirinya ke maqam-maqam yang lebih tinggi. Siapa yang bersungguh-sungguh pasti akan mendapat hasilnya, siapa yang berjuang pasti akan akan mencapai musyahadah, sepertimana diperintahkan oleh Allah Taala dalam firmannya:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ

"Dan bagi mereka yang berjihad kepada Kami pasti Kami akan tunjukkan mereka jalan-jalan Kami." - **Al-Ankabut: 69**

Para pemuka kaum sufi dari kalangan khusus dan *ikhtisas* serta mereka yang menjejaki perjalanan hidup serta tarekat ini amat mengambil berat untuk tidak menyalahi adab-adab yang menjadi perkara dasar kerana bimbang terhalang dari sampai kepada tujuan mereka. Yang demikan itu kerana Allah Taala telah menetapkan bahwa Dia telah mengumpul seluruh kejahatan dan menjadikan anak kunci kejahatan itu pada cinta dunia, Dia juga telah menghimpun seluruh kebaikan dan menjadikan anak kunci kebaikan itu pada sifat zuhud.

Antara pengertian mujahadah ialah seperti apa yang telah digambarkan oleh para syeikh sufi r.h:

من لم يزن أفعاله وأحواله في كل وقت بالكتاب والسنة
ولم يتهم خواطره فلا تعدوه في ديوان الرجال

"Barang siapa yang tidak mempertimbangkan perbuatan dan keadaan dirinya pada setiap detik

dengan Al-Quran dan Sunnah, juga tidak merasakan dirinya bersalah maka janganlah kamu mengira dia itu dari anggota diwan ar-rijal (golongan wali-wali Allah)."

الطرق كلها مسدودة على الخلق إلا على من اقتفى أثره صلى الله عليه وعلى آله وسلم

"Semua jalan telah tertutup di depan semua makhluk kecuali bagi mereka yang menjejaki perjalanan baginda Nabi ﷺ."

الصحبة مع الله عز وجل بحسن الأدب ودوام الهيبة والمراقبة والصحبة مع سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم باتباع سنته ولزوم ظاهر العلم

"Mendamping Allah 'azza wajalla haruslah dengan adab yang molek, sentiasa merasai kehebatanNya dan tetap merasa muraqabahNya. Mendamping junjungan baginda Saiyidina Muhammad Rasulullah ﷺ maka haruslah mengikut sunnahnya dan lazimi ilmu yang zahir."

من أمر السنة على نفسه قولا وفعلا نطق بالحكمة ومن أمر الهوى على نفسه نطق بالبدعة

"Siapa yang mengambil sunnah sebagai panduan diri dalam bicara dan perbuatan maka dia akan menuturkan

hikmah. Siapa yang mengambil hawa nafsu sebagai panduan maka ucapannya adalah bid'ah."

من غض بصره عن المحارم وأمسك نفسه عن الشهوات وعمر باطنه بدوام المراقبة وظاهره باتباع السنة وعود نفسه أكل الحلال لم تخطئ له فراسة

"Barangsiapa menahan matanya dari memandang yang haram, menahan dirinya dari syahwat, mengimarahkan batinnya dengan sentiasa muraqabah, melazimi zahirnya dengan Sunnah dan tidak makan melainkan yang halal maka orang seperti ini pastilah tepat firasat hatinya."

من ألزم نفسه آداب السنة نور الله قلبه بنور المعرفة ولا مقام أشرف من متابعة سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم في أوامره وأفعاله وأخلاقه

"Barangsiapa yang melazimi dirinya dengan peradaban sunnah nescaya Allah akan menerangi hatinya dengan nur makrifah. Dan ketahuilah bahawa tiada keadaan yang lebih mulia dari mencontohi junjungan baginda Nabi kita Muhammad ﷺ dengan mentaati perintahnya, menteladani perbuatan dan akhlaknya."

من علم وبدأ في سلوك طريق الحق سبحانه وتعالى سهل سلوكه عليه ولا دليل على الطريق إلى الله عز وجل إلا بمتابعة سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه

وعلى آله وصحبه وسلم في أحواله وأفعاله وأقواله

"Barangsiapa yang sudah mengetahui jalan menuju Allah lalu dia pun mula menempuhnya, nescaya Allah akan memudahkan perjalanannya. Dan ketahuilah bahawa tiada penunjuk jalan ini melainkan dengan menteladani junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ pada segala keadaan, tingkah laku dan pertuturannya."

علامة محبة الله سبحانه وتعالى إيثار طاعته ومتابعة نبيه ورسوله سيدنا مولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم

"Tanda Allah Taala mencintai seorang hamba itu ialah apabila dia mengutamakan ketaatan padaNya dan mengikut perjalanan NabiNya Muhammad ﷺ."

الطريق واضح والكتاب والسنة قائم بين أظهرنا وفضل الصحابة معلوم فمن صحب الكتاب والسنة وتغرب عن نفسه والخلق وهاجر إلى الله سبحانه وتعالى فهو المريد الصادق المصيب

"Jalannya sudah jelas terbentang, Al-Quran dan Sunnah ada bersama kita dan semua orang sudah mengerti keutamaan sahabat, maka barang siapa bersahabat dengan Al-Quran dan Sunnah, menahan diri dari nafsunya dan dari seluruh makhluk lalu berhijrah menuju Allah ﷻ maka itulah murid sejati lagi benar adanya."

Cukuplah sekadar ini diperturunkan untaian mutiara

hikmah dari para junjungan kami yang arifin lagi ulamaul amilin r.h buat tatapan mereka yang punya hati sejahtera.

Kemudian dari itu wajiblah bagi seorang murid sejati yang ingin menempuh perjalanan kaum solihin untuk beradab sopan dengan akhlak para ulama Islam yang agung khususnya para wali Allah dan muqarrabin r.h. Kerana merekalah contoh teladan yang baik untuk ditiru. Dan mestilah seorang murid itu mengamal wirid zikir para wali tersebut dengan penuh perhatian, himmah, mesra, asyik, mahabbah, muraqabah, musyahadah, serta penghargaan sebenarnya kerana wirid zikir umpama sepasang sayap bagi seekor burung. Telah berkata Syeikh Muhyiddin Ibnu Arabi r.h dalam *Takhmis Qasidah As-Suluk* karya Sidi Abu Madyan r.h:

اسلك طريقهموا إن كنت تابعهم

واترك دواعيك واحذر أن تراجعهم

فيما يريدونه واقصد منافعهم

واستغنم الوقت واحضر دائما معهم

واعلم بأن الرضا يختص من حضرا

jika benar kau berteladan
maka ikutlah jalan mereka
tinggallah seruan peribadimu
jangan sekali membantah mereka
carilah manfaat dari mereka,

rebutlah selalu untuk bersama
ketahuilah redha Allah dikhususkan
untuk yang hadhir bersama mereka

Para syeikh sufi r.h telah menyebut bahawa:

من لم تكن له في بدايته أشواق محرقة ورغبات مشتعلة لم يكن له في نهايته أنوار مشرقة وإستقامات كاملة

"Barang siapa yang memulakan (perjalanannya) tanpa rindu yang membara dan keinginan yang menyala maka kesudahannya tidak akan mendapat cahaya yang terang, tidak juga istiqamah sempurna."

Antara rindu yang membara itu ialah rindu dendam seorang murid untuk bertemu dan mendengar suara guru mursyidnya yang merupakan ayah bondanya, juga rindu kepada para ikhwan seperjuangannya dalam tarekat secara khusus. Juga kerinduannya untuk bertemu dengan para solihin dari kalangan umat junjungan Nabi Agung Muhammad Rasulullah ﷺ, kalau boleh setiap waktu tapi dengan tidak mengabaikan tanggungjawabnya yang lain yang telah ditetapkan oleh syarak yang mana tanggungjwab-tanggungjawab itu mesti dipikul olehnya sendiri.

Harus juga diambil perhatian bahawa dalam soal ini wajiblah bagi si murid untuk mengambil kira hak-hak orang lain keatas dirinya. Setelah itu ketahuilah bahawa rindu yang paling agung ialah cita-cita yang sentiasa membara untuk melihat penghulu junjungan agung baginda Nabi Muhammad ﷺ dalam mimpi dan yaqazah (secara jaga) dengan cara mengikuti perjalanan hidup baginda baik dalam

perkataan, tingkah laku maupun gerak diam baginda seperti yang dapat dibaca melalui kitab-kitab hadis dan sejarah yang sahih, juga melalui berguru dengan mursyid yang sejati. Demikianlah keadaan orang-orang Tuhan sehingga ada dikalangan mereka yang menyatakan bahawa:

والله لو غاب عني رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم ما أعددت نفسي من المسلمين

"Demi Allah, kalaulah ghaib Rasulullah ﷺ dariku maka aku tidak mengira diriku dari golongan orang Islam."

Lihatlah sidang pembaca yang budiman betapa agungnya himmah dan cita-cita besar lagi mulia seperti ini demi untuk menzahirkan roh istiqamah yang kita sama-sama usahakan untuk menjadi realiti. SMA

6



FASAL ENAM

الحمد لله رب العالمين وأستغفر الله العظيم وحسبي الله ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم. وَمَن يُعَظِّمْ شَعَـٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى ٱلْقُلُوبِ. اللهم إني أبرأ من حولي ومن قوتي إلى حولك وقوتك. اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا ومولانا محمد وعلى آل سيدنا ومولانا محمد صلاة تفتح لنا بها أبواب الرضا والتيسير وتغلق بها عنا أبواب الشر والتعسير وتكون لنا بها وليا ونصيرا أنت ولينا ومولانا فنعم المولى ونعم النصير. اللهم إني أتقرب

إليك بالصلاة على سيدنا ومولانا محمد عبدك ونبيك
ورسولك صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم امتثالا
لأمرك وتصديقا له ومحبة فيه وشوقا إليه وتعظيما لقدره
ولكونه صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم أهلا لذلك
فتقبلها مني بفضلك واجعلني من عبادك الصالحين.

Kempen kita kearah **ISO Akhlak Antarabangsa** (kualiti terbaik) merupakan seruan kepada jalan menuju Allah… satu seruan untuk menuju kesempurnaan dan kemuliaan insani… satu seruan kepada **Tasawwuf Islam** yang benar: yang telah memenuhi dunia dengan kebaikannya sejak kurun-kurun terawal hingga ke zaman kita ini melalui para solihin dan ahlillah yang merupakan ahli suluk, tarbiyah, istiqamah dan mahabbah. Seruan yang berdiri diatas tiga rukun utama: Islam Iman & Ehsan, atau Ilmu Amal & Adab, atau Ibadah Adat & Taqarrub, atau Taat Zikir & Istiqamah: yang semua itu didasarkan kepada firman Allah Taala:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ
ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا

"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh ikutan yang baik bagi orang yang ingin kepada Allah dan (keselamatan di) hari Akhirat dan bagi orang yang banyak mengingati Allah." - **Al-Ahzaab: 21**

Pada artikel terakhir dalam buku ini saya akan menyentuh beberapa pertuduhan serius yang menjadi rentetan dari serangan ganas lagi jahiliyah ke atas semua tareqat dan

madrasah sufi Islam, serangan yang dipukul rata kepada semua sufi: baik yang tidak melawan maupun yang mempertahankan diri.

Apakah tuduhan ini benar, atau sebenarnya merupakan jelmaan dari pandangan berbeza yang lahir dari kajian dan pengajian bersumberkan kepustakaan dan rujukan ilmiah yang sunyi dari zauk dan penghayatan, tanpa berguru dan berdamping dengan guru dan pengalaman yang disertai oleh rujukan praktikal lagi hidup yang merupakan para masyaikh sufi yang kamil r.h, dimana mereka inilah yang telah disabdakan oleh penghulu seluruh manusia junjungan Nabi kita Muhammad ﷺ dalam sebuah hadis yang dikenali sebagai *al-musalsal bissufiyyah*:

اتقوا فراسة المؤمن فإنه يرى بنور الله

"Takutilah olehmu firasat orang mukmin, sesungguhnya dia melihat dengan cahaya Allah."

Begitu juga telah dimaksudkan dalam firman Allah Taala melalui hadis qudsi:

لا يزال عبدي يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه...كنت سمعه التي يسمع بها وبصره التي يبصر بها...

"Bila seorang hamba itu terus beribadah kepadaKu dengan amalan-amalan sunat sehingga Aku mengasihinya...Akulah yang menjadi pendengarannya, dan Akulah yang menjadi pengelihatannya..."

Disamping itu juga adalah mustahil bahawa seluruh ahli sufi total sempurna: sedia maklum bahawa tiap sesuatu itu

sudah ada nisbah lebih kurangnya sepertimana yang difirmankan oleh Allah Taala:



"...dan sedikit dari golongan akhir"- **Al-Waqiah: 14**

Ingin dipertanyakan: Mengapa serangan ganas ini hanya dihamburkan kepada para ahli **Tasawwuf Islam** yang menempuh perjalanan menunju kesempurnaan insani menuju Allah?. Jawapan saya mudah: kerana **Tasawwuf Islam** membuahkan hasil, sesuai, bermanfaat dan majoriti umat manusia mengetahui hakikat ini cuma mereka yang menuduh tidak mahu memahaminya dan enggan tunduk kepada kebenaran dan ahlinya yang mulia.

Silakan sidang pembaca mengetahui sendiri betapa besar cabaran dan kerasnya tentangan yang dihadapi oleh mereka yang mahu melaksanakan kualiti sempurna (ISO) dan tepat di mana-mana sektor kerajaan, atau diperingkat antarabangsa. Ini semua merupakan perkara-perkara realiti yang dirasai oleh mereka yang pernah menempuhnya.

Dalam kanun perundangan ditetapkan bahawa: "Yang tertuduh adalah tidak bersalah selagi belum dibuktikan pertuduhannya". Kata-kata hikmah menyebut pula: "Hantarlah seorang bijaksana tanpa perlu berpesan apa-apa kepadanya". Dan cukuplah apa yang diungkapkan oleh para ulama sufi r.h bahawa: "Ilmu kami ini kami ambil dari yang hidup kepada yang hidup (maksudnya dari seorang syeikh kepada seorang syeikh sambung menyambung hingga kepada Rasulullah ﷺ), adapun ilmu orang lain mereka mengambilnya dari yang mati kepada yang mati (maksudnya dari kitab)."

Diperturunkan di sini beberapa contoh tuduhan berat itu:



1

Kaum sufi tidak peduli atau tidak memahami dunia politik dari semua aspeknya. Yang ada hanya beberapa syeikh sufi yang secara sedar maupun tidak menggunakan kedudukan dan pengaruh kesufian mereka untuk menguasai posisi tertentu melalui pilihanraya, atau kedudukan dalam sebuah parti politik, bahkan kedudukan dalam mana-mana pertubuhan. Kuasa-kuasa politik telah dapat mempergunakan komuniti sufi seperti ini untuk menjayakan kepentingan peribadi masing-masing.

Apakah ini masuk akal?! Kalau beginilah halnya golongan sufi yang istimewa maka bagaimana keadaannya orang awam? Guru mursyidku r.d yang mendidik jiwa ragaku telah berkata: "Janji setia antara aku denganmu, juga dengan yang lain adalah engkau menceraikan politik talak tiga. Dan jangan engkau mencari kemasyhuran serta kedudukan, sebaliknya carilah redha Allah ﷻ."



2

Hubungan kaum sufi dengan Al-Azhar: bagaimana mereka telah mempergunakan universiti ini untuk menyebarkan fahaman Tasawwuf. Bagaimana Al-Azhar sekarang telah berjaya sedikit sebanyak melepaskan diri dari cengkaman kaum sufi.

Saya jawab dengan kata-kata syeikh sufi yang kamil Sidi Abu Madyan r.d: "Wahai kaum! Aku dagang di negerimu..." Kami punya banyak bukti betapa batil dan kejinya tuduhan

ini. Biografi Al-Imamul Akbar Syeikh Al-Azhar yang merupakan seorang syeikh sufi murabbi: Dr. Abd. Halim Mahmud, kesan peninggalan beliau yang jelas dalam tubuh Universiti Al-Azhar dan diluarnya, rekod cemerlang beliau dalam kehidupan peribadi dan bermasyarakat diketahui oleh semua orang serta penghargaan yang diterima beliau dari pelbagai komuniti Islam dan bukan Islam... ini semua merupakan antara bukti terbesar menolak dakwaan mereka.



3

Kesan pengaruh kaum sufi pada seni sastera Arab dan Islam dibidang riwayat, syair, teater...pengaruh sufi dalam sektor pendidikan. Hubungan kaum sufi dengan beberapa tokoh pemikir dan kesannya terhadap kedua belah pihak. Peranan kaum sufi dalam perkembangan seni nyanian dan muzik. Kelahiran bintang nyanyian lelaki dan wanita yang berasal dari kelompok zikir sufi. Tindak balas kaum sufi terhadap berbagai lapisan masyarakat masyarakat. Peranan kaum sufi dalam susunan sebuah masyarakat, adat resam dan fenomena negatif yang berpunca dari kebudayaan sufi seperti perayaan maulid, majlis tarian dan nyanyian sufi. Dari mana sumber dana kumpulan sufi dan kesannya keatas mereka. Susunan organisasi dalam tareqat-tareqat sufi, bilangan tareqat sufi dan jatidirinya serta perbezaan antara tareqat-tareqat sufi.



4

Fahaman Sufi...apakah ia perubahan yang diprogramkan oleh Amerika? Kaum sufi telah menempuh perjalanan panjang dalam lipatan sejarah umat Islam, sedari awalnya yang baru berbentuk gelombang perasaan yang bergelora didalam jiwa para ahli zuhud seterusnya berkembang hingga menjadi badan-badan komuniti yang beraktiviti sekitar agama dan budaya masyarakat di beberapa buah negara, dan beraktiviti pula di beberapa negara lain sekitar aqidah dan politik. Sejak zaman berzaman golongan sufi telah mengecewakan semua pihak yang meramalkan kemusnahannya. Kaum sufi masih terus hidup: samada terdesak dibawah tekanan kritikan keras dari organisasi-organisasi islami dan gerakan politik Islam yang memusuhi jalan tareqat sufi, atau terus hidup sebagai barang buruk ditengah gelombang kemodenan yang melanda dunia Islam sejak beberapa puluh tahun kebelakangan ini.

Pun begitu, tareqat-tareqat ini telah meneruskan arah perjalanan bertentangan dengan pelan yang telah dirancang oleh pihak-pihak yang meramalkan kemerosotannya, yang berlaku ialah golongan sufi telah mereformasi dan menguatkan diri apabila berjaya menarik perhatian murid-murid baru yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat dan bidang kerjaya.



5

Golongan sufi dalam caturan perubahan. Selepas serangan ke atas Amerika dalam peristiwa 11 September 2001, bangsa Amerika mula melancarkan kempen total memerangi apa yang dinamakan sebagai terorisme. Amerika mengkaji kemungkinan menyebarluas fahaman sufi untuk menjadi batang tubuh Islam di masa akan datang, atau setidak-tidaknya menggunakan golongan sufi untuk menguatkan cengkaman Amerika keatas dunia Islam bagi menghapus ancaman organisasi dan gerakan politik pengganas berbasiskan Islam yang telah pun melahirkan fenomena "Al-Qaeda" dan yang sewaktu dengannya. Pandangan strategik Amerika ini bukanlah omongan kosong yang tidak berasas bahkan bersumber dari pertikaian panjang para cendikiawan orientalis mengenai sejauh mana **Tasawwuf Islam** boleh memberi solusi kepada problematika terorisme.

Sejauh mana fahaman Tasawwuf dapat merapatkan jurang antara Islam dan liberalisme, atau sejauh mana ia dapat melancarkan kerja Washington bagi mereformasi silibus pengajian agama di negara-negara Islam. Ada juga orientalis yang merumuskan bahawa Tasawwuf adalah "Intipati Islam", bahkan sebilangan orientalis turut menegaskan bahawa masa depan dunia Islam akan dikuasai oleh aliran sufi.



6

Pegangan dan fahaman sufi merupakan personaliti dan pengalaman yang dapat dimanfaatkan untuk memerangi keganasan, boleh digunakan sebagai perkakas agama bagi

menempatkan budaya politik Islam berwajah demokrasi. Realitinya sekarang ialah Tasawwuf tidak lagi merupakan fenomena zuhud dan ibadah peribadi sepertimana di zaman awalnya. Tasawwuf telah menjadi organisasi-organisasi besar yang punya hubungan antara benua, sesetengah organisasi sufi bahkan cuba memainkan peranan membina dalam perubahan politik dan masyarakat. Ada juga organisasi sufi yang turut berperanan dalam perkembangan budaya rakyat yang telah dimanfaatkan dalam bentuk karnival dan pesta. Ada juga yang bertoleransi dalam interaksi dengan golongan lain termasuk pesaing-pesaing mereka dalam dunia tareqat sufi. Ada juga yang berpolemik dengan tareqat lain, ada juga kumpulan tareqat yang menjadi kakitangan penjajah – boleh jadi inilah yang Amerika mahu sekarang- tetapi majoriti kaum sufilah yang telah bermati-matian menentang penjajah. Sebahagian kaum sufi telah berganding bahu dengan masyarakat dalam membangun negara dari pelbagai aspeknya, sebahagian yang lain turut menjadi beban ke atas masyarakat.



7


Apakah kaum sufi dapat dijadikan tapak kepada projek politik? Fahaman sufi secara dasarnya tidak mendokong apa-apa tujuan politik yang cukup syarat rukunnya, begitu juga fahaman sufi tidak sesuai untuk menjadi asas kepada apa-apa rancangan politik yang boleh diharap kejayaannya. Mempraktis ajaran Tasawwuf akan melahirkan sikap-sikap tertentu yang diantaranya tidak sesuai dengan ajaran politik, atau dari sudut falsafah dan umum budaya Tasawwuf yang cenderung menjauhkan diri dari fenomena kekuasaan. Pun begitu ajaran Tasawwuf tidak pula sampai membentuk satu

acuan politik tersendiri bahkan semata-mata satu pandangan politik pun tidak. Ini kerana jika Tasawwuf terlibat dengan itu semua maka hilanglah nilai tasawwufnya kerana ia telah terkeluar dari orbit rohani dan masuk ke dalam pertikaian alam material.



8

Makrifat kesufian yang berpaksi kepada kasyaf dan penghayatan zauk untuk mencapai pengetahuan yang tersembunyi dibalik tabir material; ini akan menjadikan seorang penuntut Tasawwuf cenderung untuk dikuasai, tunduk dan menyerah semata-mata kerana makrifat sebegini akan menjadikan akal tertutup, mendakwa pemilikan makrifat, seterusnya kadang-kadang hingga mendewakan peribadi atau mendorong penganutnya tertipu kononnya merekalah orang pilihan kerana punya keramat (yang sebenarnya dibesar-besarkan).



9

Zuhud yang dianggap bapa kepada ajaran Tasawwuf; jika zuhud itu lahir dari tindak balas negatif terhadap politik yang telah berlaku di era perebutan kuasa, pertentangan mazhab-mazhab Islam dan jurang besar yang memisahkan kasta-kasta dalam masyarakat khususnya di era Dinasti Abbasiah maka ini bererti Tasawwuf melahirkan nilai politik yang bertentangan. Zuhud terhadap dunia turut bererti zuhud

terhadap politik kerana politik merupakan puncak aplikasi amalan dunia, ini menjadikan para ahli zuhud menjauhkan diri dari dunia kehidupan biasa yang menyebabkan mereka dituduh bersikap negatif terhadap perjuangan menentang kezaliman yang berlaku dalam masyarakat. Dari dimensi yang berbeza Tasawwuf juga telah melahirkan nilai-nilai politik yang positif dalam menentang prinsip penguasaan mutlak dan sikap melampau. Zuhud terhadap harta pemerintah dan pangkat kedudukan dari mereka menjadikan ahli zuhud lebih gagah dalam perlawanan dan lebih bertenaga memberontak terhadap penzaliman. Ini memang tercatat sepanjang lintasan sejarah dimana beberapa tokoh besar sufi telah menolak kurniaan raja-raja yang mahu membeli restu dari mereka untuk memberkati tindakan-tindakan zalim pemerintah ke atas rakyat.



10

Kewalian yang menjadi keyakinan kaum sufi menyuburkan nilai penguasaan mutlak. Kerana dongeng-dongeng yang disebarkan itu memang mempunyai kesan yang sangat hebat untuk menguasai para pengikut dan inilah penjelasannya mengapa tareqat-tareqat sufi masih terus hidup walaupun persekitaran masyarakatnya semakin moden. Kepercayaan terhadap wali juga menyuburkan sikap hanya mentakzim satu pihak sahaja yang berpunca dari perasaan hormat para murid sufi terhadap wali-wali keramat.



11

Mahabbah yang diertikan oleh kaum sufi sebagai mencintai Allah dan persaudaraan dalam tareqat dan mencintai semua makhluk ciptaan Allah telah melahirkan sikap toleransi sesama murid dan sesama semua golongan masyarakat. Seorang murid sufi menggelar teman-teman tareqatnya sebagai *ahbab* (kekasih), *fuqara'* (yang fakir kepada Allah) dan *ikhwah* (saudara).



12

Positif dan negatifnya. Tanpa perlu penjelasan berjela-jela disini kita mendapati bahawa budaya Tasawwuf melahirkan beberapa nilai yang bertentangan antara satu sama lain. Dalam erti kata lain pemikiran sufi mampu mendorong produktiviti dan dalam masa yang sama mungkin memberi hasil negatif. Seterusnya realiti kehidupan seorang sufi itu, atau sejauh mana dia mampu memanfaatkan fikiran tadi itulah yang akan menentukan -sepertimana yang tercatat sepanjang sejarah- apakah mereka telah memanfaatkan pemikiran ini untuk menjadi tenaga positif atau terus kekal dalam kemunduran, disinilah kesan negatifnya pemikiran yang sama tadi terhadap gerakan mereka. Dari pemikiran turun ke medan amal kita mendapati bahawa kaum sufi turut melahirkan sikap politik yang bertentangan. Tetapi ini bukan satu kaedah yang boleh dikiaskan kepada perkara-perkara

lain sepertimana yang dikehendaki oleh Amerika sekarang. Memang dalam sejarah mencatat perjalanan tareqat-tareqat sufi yang bermati-matian menentang penjajah dalam masa yang sama ada juga tareqat yang menjadi tali barut penjajah. Ada tareqat yang menjadi pemangkin kepada kemajuan rakyat dan membentuk badan-badan politik yang berjaya, ada juga kumpulan tareqat yang hidup menjadi beban keatas masyarakat setempat hanya terperuk di *zawiyah*, pondok pesantren, *khanqah* dan *takiyyah* sufi.

Kesimpulannya, realiti yang tidak pernah berubah sepanjang sejarah agung Islam mengenai kumpulan tareqat-tareqat sufi ialah mereka merupakan antara jelmaan paling sempurna dan paling indah terhadap batang tubuh Islam dari dimensi realiti kehidupan beragama, politik, sosial, bahasa, spiritual, ekonomi, kejuruteraan, pentadbiran dan pelbagai bidang lainnya. Tareqat-tareqat sufi akan kekal meneruskan penjelmaan dan gilapan ini dimasa-masa mendatang tidak kira apa jua sikap masyarakat dari utara ke selatan, timur ke barat terhadap tareqat-tareqat dan madrasah-madrasah sufi Islam kerana setiap umat ada golongan istimewanya, dan golongan istimewa dari umat baginda Nabi Muhammad ﷺ adalah ahli sufi walaupun mereka ditentang oleh para penghasad dengki dan ahli ingkar. SMA






Yakinlah memang benar ada aibmu itu cuma ia tersembunyi.

Maksudnya hendaklah kamu mengenalpasti diri mu bahawa engkau fakir, dhaif, lemah lagi hina di hadapan Allah ﷻ. Kalau sudah kau kenal sifat dirimu dan engkau mengakui pula - cuma sifat-sifat tadi tidak terzahir pada anggota- maka di situ engkau akan dipakaikan oleh Tuhan mu dengan sifat kurniaNya pada mu seperti yang digambarkan dalam sepotong doa,

"Maha Suci Tuhan yang menutup rahsia khususiah pada zahir manusia, dan menzahirkan sifat ketuhannanNya (apabila hamba) menzahirkan rasa kehambaan."





